

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PAHANG)

PENGURUSAN KEWANGAN

KETUA PTJ :

AZHAN BIN HASHIM @ ISMAIL

KETUA UNIT KUALITI :

MOHD SAFWAN BIN RAMLI

PENYELARAS :

NUR'AIN BINTI MAT YUSOF

PENULIS :

1. SITI ROSIAH BINTI MOHAMED
2. MOHD NORAFIZAL BIN ABD AZIZ
3. SITI AISHAH BINTI MOHAMAD
4. NUR'AIN BINTI MAT YUSOF
5. AHMAD FARIS BIN SEMAN @ KAMARULZAMAN
6. HAMIZAH BINTI MOKHTAR
7. EILY BINTI AZER

8. ROSMAWATI BINTI MD SAAD
9. ROSMAWATI BINTI MAAROF
10. ANISAH BINTI DASMAN
11. ROSMAH BINTI NIZAM
12. AINAMARDIA BINTI NAZARUDIN
13. SYAHIDA BINTI MD. ZENI
14. SYAHIDA BINTI MD. ZENI
15. NORSHAHIDATUL AKMAR BT MOHD SHOHAIMI
16. NORSHAHIDATUL AKMAR BT MOHD SHOHAIMI
17. MAISARAH BINTI ISHAK
18. ADIBAH BINTI HUSSIN
19. NOOR JUNAINI ARWIN BINTI YAACOB
20. RAFIZAH BINTI MOHD NOOR
21. NURUL IZZAT BINTI KAMARUDDIN
22. YUSRI HELMI BIN MUHAMMAD
23. MOHAMMAD HAFIZUDDEN BIN MOHD ZAKI
24. MOHAMMAD HAFIZUDDEN BIN MOHD ZAKI
25. SITI ZALEHA BINTI HAMID
26. MOHD FAIZAL AZRUL AZWAN BIN MUHAMED @ CHE HARUN
27. NIK MUHAMMAD FARHAN HAKIM BIN NIK BADRUL ALAM
28. ANITA BINTI ABU KASSIM
29. ANITA BINTI ABU KASSIM
30. MAS'UDAH BINTI ASMUI
31. SITI AISHAH BINTI ABD RAHMAN
32. SITI SYAMIRA BINTI MOHD RAMLI
33. SITI SYAMIRA BINTI MOHD RAMLI
34. MOHD SAFWAN BIN RAMLI
35. MOHD SAFWAN BIN RAMLI
36. MOHD SAFWAN BIN RAMLI
37. MOHD SAFWAN BIN RAMLI

38. NUR DALILA BT NORSHAHIDI
39. JUHAIDA BINTI ISMAIL
40. NORSHASILA BINTI KALAM

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik

Tahun 2024, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang (UCPh) telah membuktikan kecemerlangan keupayaan Pengurusan Kanan merancang dan melaksanakan strategi dengan cekap, telus dan mampan. Berteraskan **Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12)**, **agenda Ekonomi MADANI**, **Landasan Hala Tuju Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) 2024**, **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025**, **Pelan Strategik UiTM 2025**, **Amanat Naib Canselor UiTM 2024**, **Agenda Kerajaan Negeri Pahang**, strategi **T.A.H.A.N (Tadbir, Amanah, Hasil, Akauntabiliti dan Nilai Tambah)** UCPh digerakkan secara berfasa dengan tumpuan kepada keberkesanan hasil dan kecekapan pelaksanaan. **Empat** objektif utama **strategi T.A.H.A.N** telah ditetapkan bagi menjamin kemampunan **Pengurusan Kewangan UCPh** iaitu **pemantapan tadbir urus kewangan, lonjakan hasil penjanaaan sumber dan Agro Kampus, pengoptimuman sumber dan penjimatan kos, dan pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) yang luar biasa** seiring dengan aspirasi **Pelan Strategik UiTM 2025** sebagai manifestasi perancangan yang berimpak tinggi dan berdaya saing.

Pelaksanaan Berfasa

Pelaksanaan Pengurusan Kanan adalah sistematik dan menyeluruh bermula dengan penurunan Petunjuk Prestasi (PI) kepada setiap Pusat Tanggungjawab (PTj). Penyebaran maklumat dan pemantauan projek dilaksanakan melalui pelbagai medium seperti **Sesi Town Hall Rektor 2024, Mesyuarat Pengurusan, saluran media rasmi UCPh, penandaarasan, lawatan strategik dan penglibatan dalam persidangan**. Inisiatif utama merangkumi:

- i) Penjanaaan Hasil Baharu** melalui sewaan ruang, penganjuran seminar, pengeluaran produk universiti serta agro kampus.
- ii) Penjimatan Kos** menerusi projek **Tube Well (TW)** dan **Rainwater Harvesting** yang berjaya mengurangkan bil utiliti institusi.
- iii) Strategi Desentralisasi** yang menggalakkan setiap fakulti dan jabatan melaksanakan minimum satu projek penjanaaan hasil.
- iv) Pemantauan Bajet Berstruktur** melalui pembentangan laporan kewangan suku tahunan dan penggunaan sistem digitalisasi seperti **FAIS, e-MARS** dan **Google Sheet**.
- v) Transformasi Digital Kewangan** melalui penggunaan lejar elektronik untuk pemantauan masa nyata dan mengurangkan risiko penyelewengan.

Pemantauan dan Kawalan Risiko

Pemantauan prestasi UCPh dilaksanakan secara kolektif dan bersepadu melalui **Jawatankuasa Risiko** yang tertumpu kepada risiko strategik, kewangan dan operasi selaras dengan **Pelan Pengurusan Risiko UCPh**. Pemantauan ini meliputi audit dalaman dan luaran, penilaian pulangan pelaburan (ROI), laporan interim bulanan dan suku tahunan, perekodan dalam Daftar Risiko Jabatan, penilaian prestasi staf akademik dan bukan akademik serta sesi libat urus berkala bagi memastikan keberkesanan dan ketelusan tadbir urus institusi.

Penambahbaikan Berterusan

Tindakan penambahbaikan berpandukan analisis dapatan kaji selidik seperti Kaji Selidik

Kepuasan Pelanggan dan Borang Maklum Balas Staf dan Pihak Berkepentingan. Langkah-langkah ini meliputi penambahbaikan *Standard Operating Procedure* (SOP), penetapan semula Petunjuk Prestasi Utama (KPI), latihan kewangan dan perolehan, pematuhan kepada pekeliling dan Akta serta sokongan Unit Integriti. Pensijilan profesional seperti *Certified Internal Auditor* (CIA), *Chartered Institute of Management Accountants* (CIMA) dan *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) digalakkan bagi memperkukuh kredibiliti dan kompetensi institusi. Amalan kos berhemah diperhebat melalui kawalan ke atas elaun lebih masa manakala pengiktirafan staf diperkasa melalui hebahan pencapaian di media rasmi UCPH serta pemberian insentif kepada PTJ berprestasi tinggi. UCPH juga proaktif memperluas jaringan strategik melalui libat urus dengan agensi luar seperti **Yayasan Inovasi Malaysia**, **Payment Network Malaysia (PayNet)**, **Yayasan Food Bank Malaysia** serta **MYCES SDN BHD** dan memastikan setiap inisiatif bukan sahaja mencapai sasaran malah membina nilai mampan yang menyumbang kepada kelestarian universiti dan kesejahteraan masyarakat.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTM Cawangan Pahang (UCPh) menyokong aspirasi **Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)** dan agenda **Ekonomi MADANI** menerusi pelaksanaan transformasi kewangan yang berlandaskan kecekapan, ketelusan dan kemampunan. Pendigitalan, pelan pengurusan risiko, serta penjana hasil universiti dilaksanakan seiring matlamat memperkukuh institusi sektor awam dan menjamin kesejahteraan jangka panjang negara. Kepimpinan UCPh dalam “**Pengurusan Kewangan**” digerakkan melalui sinergi bersama **Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kerajaan Negeri Pahang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), komuniti, agensi kerajaan dan pihak industri**. Berpaksikan nilai teras **ESI (Excellence, Synergy, Integrity)** dan prinsip **iDART (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, Tanggungjawab)** (**Bukti 1: K1 1.2.1a & 1b**)

Pengurusan Kanan UCPh mengamalkan penglibatan **Partisipatif** yang menggabungkan dasar *Top-Down* and *Bottom-Up* secara holistik memastikan keterlibatan menyeluruh dalam setiap peringkat perancangan dan pelaksanaan dasar. Pendekatan ini diterjemahkan melalui model **Strategi T.A.H.A.N (Tadbir, Amanah, Hasil, Akauntabiliti, Nilai Tambah)** yang menjadi tunjang kepada pembudayaan tadbir urus (**Bukti 1: K1 1.2.1c**).

Nilai ini menjadi panduan pelaksanaan pengurusan kewangan berimpak tinggi melalui pelan tindakan yang jelas dan sistematik di semua peringkat. **Pengurusan Kanan UCPh sebagai perancang dasar dan pemegang amanah bertanggungjawab menyelaras serta memantau pelaksanaan inisiatif penjana pendapatan dan pengoptimuman sumber universiti.** (**Bukti 1: K1 1.2.1d**).

UCPh berjaya meningkatkan penjana dan memperkukuh kewangan bagi tahun 2024 walau berdepan cabaran. Pendekatan ini merangkumi **peralihan, pemulihan, kecekapan dan kelestarian** berpandukan **20 Landasan Hala Tuju KPT 2024 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025, Pelan Strategik UiTM 2025, dan Amanat Naib Canselor 2024.** (**Bukti 2: K1 1.2.2a,2b,2c**)

Pengurusan Kanan memberikan komitmen terhadap sistem pelaporan telus untuk dilaporkan secara sukuan kepada pihak berkepentingan termasuk Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) dan Majlis Eksekutif Universiti (MEU). (**Bukti 2: K1 1.2.2d**)

Seiring dengan aspirasi transformasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke arah kecemerlangan bertaraf global, tema “**Globally Respected, Locally Rooted**” dijadikan penanda aras hala tuju strategik tahun 2024. UCPh memperkukuh komitmen terhadap kecemerlangan global melalui penghayatan nilai **strategi T.A.H.A.N** sebagai panduan dalam tadbir urus. Pendekatan ini merupakan usaha signifikan dalam menyokong pelaksanaan strategi global UiTM untuk merealisasikan matlamat menjadi **Globally Renowned University (GRU)** menjelang tahun 2025 (**Bukti 3: K1 1.2.3**).

Bukti 4: K1 1.2.4 Pengurusan Kanan UCPh merancang empat (4) objektif utama **kemampunan Pengurusan Kewangan** iaitu **pemantapan tadbir urus kewangan, lonjakan hasil penjana sumber dan Agro Kampus, pengoptimuman sumber dan penjimatan kos, dan pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) yang luar biasa** seterusnya dikongsi kepada warga semasa sesi *Townhall* Rektor 2024 (**Bukti 5: K1 1.2.5**).

Kesemua objektif ini diterjemahkan kepada **inisiatif penjanaan strategik merangkumi sewaan ruang, peralatan, penganjuran seminar, produk universiti serta projek agro kampus**. Pendekatan ini telah membentuk perancangan yang efektif apabila Pengurusan Kanan dan Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) berjaya melaksana inisiatif berpandukan objektif strategik (**Bukti 4: K1 1.2.4**). Pencapaian ini membuktikan keberkesanan **Strategi T.A.H.A.N.** selaras dengan aspirasi "**Locally Rooted**", mendukung prinsip **Malaysia MADANI** serta memenuhi matlamat **teras ketiga (3) GRU2025 UiTM** iaitu **New Financial Source for Sustainability**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_K01_KB02_20251_BUKTI 1 K1 1.2.1.pdf](#)
2. [K0061_K01_KB02_20252_BUKTI 2 K1 1.2.2.pdf](#)
3. [K0061_K01_KB02_20253_BUKTI 3 K1 1.2.3.pdf](#)
4. [K0061_K01_KB02_20254_BUKTI 4 K1 1.2.4.pdf](#)
5. [K0061_K01_KB02_20255_BUKTI 5 K1 1.2.5.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan melaksanakan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bermula dengan penurunan PI kepada setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) di UCPh. (**Bukti 1: K1 1.3.1a&1b**). Peruntukan telah diterima pada tahun 2024 berjumlah **RM10,057,400.00** dibentangkan oleh Timbalan Bendahari dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** secara bulanan bagi memantau perbelanjaan, menyemak keperluan bajet tambahan serta menilai keberkesanan pelaksanaan operasi kewangan (**Bukti 2: K1 1.3.2**).

Strategi desentralisasi yang memfokuskan kepada penjanaan pendapatan turut digunapakai dengan menetapkan **sasaran kepada setiap fakulti** untuk melaksanakan minima satu projek penjanaan pendapatan terkumpul bagi menghasilkan jumlah keseluruhan sebanyak **RM 208,655.00** (**Bukti 3: K1 1.3.3a & 3b**).

Selain itu, beberapa projek utama telah dibangunkan selaras dengan Penekanan **Ke-7 Hala Tuju UiTM 2024** di bawah **Pelan Induk Pembangunan Kampus** antaranya **Energy Management Analysis Reporting System (e-MARS)** yang telah diguna pakai bagi tujuan pemantauan dan pengurusan penggunaan tenaga secara sistematik. Manakala bagi inisiatif penjimatan air, 3 projek utama telah dilaksanakan iaitu **Projek Rainwater Harvesting (RH)**, **Projek TubeWell (TW)** serta pelaksanaan **Projek Naiktaraf Paip Bekalan Fasa 3** yang telah berjaya menyumbang kepada pengurangan jumlah penggunaan air di UCPh sebanyak 13% pada tahun 2024 berbanding tahun 2023 dengan **jumlah penjimatan sebanyak RM 142,530.11**.

Pengurusan Kanan turut **memanfaatkan sumber semulajadi kampus melalui penghasilan produk universiti, hasil jualan produk Agro, serta penyewaan ruang dan peralatan kampus** bagi strategi penjanaan pendapatan. Hasil keseluruhan yang berjaya dikumpulkan bagi tahun 2024 adalah sebanyak **RM2,546,487.93**. Hasil penjanaan pendapatan tersebut telah berjaya memenuhi *Performance Indicator* (PI) iaitu **PI128** dan **PI129**.

Selain itu, empat (4) projek utama telah berjaya disiapkan menggunakan **peruntukan dalaman, Bajet Usang dan Maintenance Reserve Fund (MRF)** iaitu **Pembinaan Garaj Unit Ladang, Naiktaraf Tandas Bangunan Pentadbiran dan Unit Kenderaan, Penggantian lapan (8) unit Kitchen Hob di Gerai Kemudahan Pelajar di Kolej Tok Gajah dan Longkang Monsun Bersebelahan Padang Memanah**. Keberkesanan pelaksanaan inisiatif ini turut dikongsikan bersama Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) semasa lawatan rasmi ke UCPh. (**Bukti 4: K1 1.3.4a,4b,4c,4d,4e,4f,4g**).

Setiap inisiatif yang dilaksanakan **disebarluaskan secara efektif** kepada warga kampus dan semua pihak berkepentingan antaranya melalui penganjuran program **Town Hall dan sesi libat urus yang memfokuskan agenda kewangan bersama wakil-wakil dari setiap jabatan serta pemakluman melalui Notis Rektor**.

Manakala perluasan inisiatif ke peringkat negeri Pahang telah dilaksanakan menerusi **kunjungan hormat Pengurusan Kanan ke Pejabat Menteri Besar Pahang** yang turut disertai oleh Hj. Mustaffa Kamil bin Ayub, Ahli LPU dan Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @

Sanibuddin, FASC Naib Canselor UTHM serta semasa **kunjungan daripada Exco Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang** ke UCPH.

Di samping itu, **jalinan kerjasama strategik** dengan pihak berkepentingan turut diperkukuhkan melalui kolaborasi bersama **Yayasan Inovasi Malaysia** dan juga **Payment Network Malaysia (PayNet)**, **Yayasan Food Bank Malaysia** serta penglibatan **MYCES SDN BHD** bagi tujuan penyaluran dana dan perkongsian ilmu. Tahun 2024, UCPH telah memperkukuh jaringan antarabangsa melalui pemeteraian sebanyak **16 Memorandum Persefahaman (MoU)** dan **7 Memorandum Perjanjian (MoA)** bersama rakan strategik dalam dan luar negara (**Bukti 5: K1 1.3.5a, 5b, 5c**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_K01_KB03_20251_BUKTI 1 K1 1.3.1.pdf](#)
2. [K0061_K01_KB03_20252_BUKTI 2 K1 1.3.2.pdf](#)
3. [K0061_K01_KB03_20253_BUKTI 3 K1 1.3.3.pdf](#)
4. [K0061_K01_KB03_20254_BUKTI 4 K1 1.3.4.pdf](#)
5. [K0061_K01_KB03_20255_BUKTI 5 K1 1.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan kewangan UCPH berteraskan prinsip telus, akauntabiliti dan cekap, selaras dengan dasar perolehan UiTM dan peraturan Perbendaharaan (**Bukti 1: K1 1.4.1.1**). Setiap inisiatif dirancang berdasarkan penilaian awal keperluan kewangan, dengan bajet munasabah dan keberkesanan kos.

Pemantauan dilaksanakan secara sistematik dan berterusan melalui mekanisma sistem elektronik seperti **Financial Accounting Integrated System (FAIS), e-Rektor (e-Rental), eDaftar Lejar, Sistem Fine Procurement Plus, Energy Management Analysis Reporting System (eMARS), eLogbook, Elektronik Penilaian Kertas Soalan Penilaian Akhir (e-PKSP)**. Pemantauan pihak Jabatan Bendahari (JBend) membolehkan pengesanan masa nyata, rekod audit telus serta semakan silang dengan jabatan berkaitan. Transformasi digital dalaman telah meningkatkan kecekapan operasi. Lejar elektronik memastikan pemantauan baki lebih tepat, seterusnya mengurangkan risiko kewangan. Pematuhan audit turut diperkukuh melalui penyelesaian sistematik, manakala akses maklumat masa nyata memudahkan urusan staf. (**Bukti 2: K1 1.4.1.2**).

Hasil pemantauan dianalisis dengan teliti dan penambahbaikan dilakukan untuk memperkukuh keberkesanan pengurusan kewangan. Pencapaian bidang tumpuan dikenal pasti melalui penilaian prestasi seperti **Return on Investment (ROI), laporan interim kewangan bulanan dan sukuan bagi garis panduan mengoptimumkan perbelanjaan dan meningkatkan kecekapan operasi, perbincangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun yang dilaksanakan empat kali setahun**. Penilaian ini memastikan setiap peruntukan memberi impak maksimum terhadap matlamat strategik UCPH (**Bukti 3: K1 1.4.1.3**).

Punca kegagalan sesuatu inisiatif dikenal pasti melalui **pelaporan pemantauan, penilaian jurang, dan semakan audit**. Analisis ini mengenal pasti kelemahan pelaksanaan, kekangan sumber atau ketidakpatuhan, seterusnya melaksanakan tindakan penambahbaikan secara sistematik (**Bukti 4: K1 1.4.1.4**). Pemantauan kewangan dalam **bidang akademik**, melibatkan keberkesanan bajet pengajaran dan pembelajaran, pembangunan kurikulum serta teknologi pengajaran. Dalam **penyelidikan**, pemantauan tertumpu kepada pengurusan geran, hasil projek dan inovasi. Bidang **pentadbiran** memberi fokus kepada kawalan kos operasi dan penggunaan sumber manusia. Dalam aspek **kebijakan**, pemantauan melibatkan peruntukan kesihatan dan insentif staf. Manakala bagi **pengurusan kewangan**, kecekapan fiskal dan keselarasan pelaksanaan bajet menjadi keutamaan.

Pengurusan kanan menunjukkan komitmen melalui pelaporan Penyata Kewangan yang diaudit dan laporan interim kewangan bulanan dan sukuan. Komitmen Pengurusan Kanan UCPH turut diterjemahkan melalui pemantauan prestasi, penilaian jurang serta pelaksanaan **penambahbaikan berterusan** demi kelestarian tadbir urus kewangan UCPH (**Bukti 5: K1 1.4.1.5**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_K01_KB04_KC01_20251_BUKTI 1 K1 1.4.1.1.pdf](#)
2. [K0061_K01_KB04_KC01_20252_BUKTI 2 K1 1.4.1.2.pdf](#)
3. [K0061_K01_KB04_KC01_20253_BUKTI 3 K1 1.4.1.3.pdf](#)
4. [K0061_K01_KB04_KC01_20254_BUKTI 4 K1 1.4.1.4.pdf](#)
5. [K0061_K01_KB04_KC01_20255_BUKTI 5 K1 1.4.1.5.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastikan kelestarian, integriti dan kecekapan dalam pengurusan kewangan, Pengurusan Kanan UCPH mengaplikasikan pendekatan pengurusan risiko yang sistematik, menyeluruh dan berfokuskan pencegahan. Setiap inisiatif yang melibatkan peruntukan bajet perlu didaftarkan dalam **Daftar Risiko Jabatan** yang disemak serta dikemas kini secara berkala bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanan tindakan mitigasi. **(Bukti 1: K1 1.4.2.1)**.

Risiko yang dikenal pasti dinilai berdasarkan tahap **kebarangkalian** serta **impaknya** terhadap pencapaian objektif strategik, khususnya keberkesanan perbelanjaan dan pematuhan kepada dasar kewangan. Analisis ini membantu pengurusan mengenal pasti kelemahan yang berpotensi menjejaskan integriti seperti ketirisan, pembaziran dan ketidakpatuhan prosedur, di samping mengenal pasti ruang penambahbaikan proses kerja **(Bukti 2: K1 1.4.2.2)**.

Bagi menangani risiko, tindakan mitigasi dilaksanakan secara strategik. Antaranya ialah penggunaan **sistem FAIS** untuk pemantauan perbelanjaan masa nyata, penguatkuasaan garis panduan kewangan yang telus, pemisahan tugas dalam proses kewangan harian, serta latihan kesedaran integriti. Audit dijadikan mekanisma semakan bagi memastikan ketelusan. Sekiranya berlaku ketidakpatuhan, kelewatan atau penyelewengan, tindakan pembetulan segera diambil seperti penstrukturan semula aliran kerja, pengemaskinian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) atau pelaporan kepada pihak berwajib untuk tindakan lanjut **(Bukti 3: K1 1.4.2.3)**

Langkah pencegahan turut diberi penekanan melalui pemantauan berterusan transaksi, pengesahan dua lapis kelulusan, had kawalan bajet dan pendidikan integriti. **Penambahbaikan** meliputi pendigitalan, kajian semula garis panduan, penggunaan dashboard kewangan masa nyata, semakan silang antara jabatan, maklum balas terbuka dan penerbitan laporan tahunan telus. Program pembangunan profesional digalakkan agar pegawai peka terhadap perubahan teknologi dan piawaian semasa **(Bukti 4: K1 1.4.2.4)**

Sebagai mekanisma pengurusan berterusan, **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun** yang diadakan setiap sukuan menjadi platform rasmi membincangkan risiko, menilai keberkesanan langkah mitigasi serta mencadangkan intervensi berdasarkan data semasa dan laporan impak. Pendekatan ini mencerminkan komitmen Pengurusan Kanan UCPH dalam menangani risiko secara proaktif, memperkukuh kawalan dalaman, memelihara integriti dan memastikan perbelanjaan memberi nilai tambah serta impak maksimum. Usaha ini menyokong pelaksanaan strategi pembangunan mampan, meningkatkan keyakinan pihak berkepentingan dan memupuk budaya pengurusan kewangan berdaya tahan. Manfaatnya dapat dirasai pelajar melalui kemudahan yang lebih baik, staf melalui sistem kerja cekap, dan kepada reputasi institusi dengan memperkukuh kepercayaan masyarakat terhadap keberkesanan pengurusan kewangan UCPH. **(Bukti 5: K1 1.4.2)**

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_K01_KB04_KC02_20251_BUKTI 1 K1 1.4.2.1.pdf](#)
2. [K0061_K01_KB04_KC02_20252_BUKTI 2 K1 1.4.2.2.pdf](#)
3. [K0061_K01_KB04_KC02_20253_BUKTI 3 K1 1.4.2.3.pdf](#)

4. [K0001_K01_KB04_KC02_20255_BUKTI 5 K1 1.4.2.4.pdf](#)
5. [K0061_K01_KB04_KC02_20255_BUKTI 5 K1 1.4.2.5.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan UCPH telah melaksanakan pendekatan berasaskan data dan analisis menyeluruh dalam usaha memperkukuh kecekapan serta ketelusan tadbir urus pengurusan kewangan. Data dan maklumat berkaitan pelaksanaan perbelanjaan serta kawalan kewangan dikumpulkan melalui pelbagai platform pelaporan seperti **Laporan Tahunan Research Monitoring Unit (RMU), Laporan Audit Dalam dan Audit Luar, Penilaian Sasaran Kerja Tahunan, laporan berkala kepada pihak Rektor**, serta **pembentangan suku tahun di pelbagai peringkat**. Semua data ini dianalisis secara sistematik untuk mengenal pasti corak perbelanjaan, kadar pematuhan terhadap peraturan kewangan, serta kelemahan atau ketidakcekapan dalam pelaksanaan. Melalui analisis ini, isu seperti kelewatan perolehan, lebihan perbelanjaan, atau penggunaan bajet yang tidak selaras dengan objektif dapat dikenal pasti awal, seterusnya membolehkan tindakan dilaksanakan segera **(Bukti 1: K1 1.4.3.1)**.

Berdasarkan dapatan tersebut, tindakan penambahbaikan dilaksanakan secara terancang. Antaranya termasuk semakan semula proses kerja, pemerkasaan kawalan dalaman, pelarasan *Standard Operating Procedure* (SOP), serta pengagihan semula sumber bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan **(Bukti 2: K1 1.4.3.2)**. Latihan kewangan secara berfokus turut dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan kefahaman staf terhadap tatacara perolehan serta pengurusan bajet **(Bukti 3: K1 1.4.3.3)**. Pendekatan ini turut melibatkan penyampaian maklumat secara berkala kepada warga UCPH melalui mesyuarat pengurusan kewangan, sesi libat urus, laporan interim, taklimat berkala, dan edaran buletin kewangan dalaman. Selain itu, penggunaan teknologi pengurusan kewangan berasaskan sistem maklumat turut dipertingkatkan, membolehkan pemantauan secara masa nyata, sekali gus mengurangkan risiko kesilapan manusia. **(Bukti 4: K1 1.4.3.4)**.

Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran dan akauntabiliti staf, malah membentuk budaya tadbir urus kewangan yang telus, bertanggungjawab, berpaksikan data, serta mematuhi amalan terbaik industri. Pengurusan Kanan UCPH turut mengaplikasikan pendekatan *Plan-Do-Check-Act* (PDCA) dalam setiap kitaran penambahbaikan. Dapatan audit, laporan impak, serta maklum balas pengguna digunakan untuk merangka pelan tindakan seterusnya, termasuk kajian keperluan latihan, pemantapan teknologi kewangan, dan pelaksanaan inisiatif inovatif dalam pengurusan dana. Usaha berterusan ini memastikan tadbir urus kewangan selaras dengan visi institusi, memberi nilai tambah kepada pelajar, meningkatkan reputasi akademik, mengoptimalkan penggunaan sumber, menyokong pembangunan UCPH secara mampan dan progresif, serta menjamin kesinambungan kejayaan jangka panjang. **(Bukti 5: K1 1.4.3.5)**

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_K01_KB04_KC03_20251_BUKTI 1 1 K1 1.4.3.1.pdf](#)
2. [K0061_K01_KB04_KC03_20252_BUKTI 2 1 K1 1.4.3.2.pdf](#)
3. [K0061_K01_KB04_KC03_20253_BUKTI 3 1 K1 1.4.3.3.pdf](#)
4. [K0061_K01_KB04_KC03_20254_BUKTI 4 1 K1 1.4.3.4.pdf](#)
5. [K0061_K01_KB04_KC03_20255_BUKTI 5 1 K1 1.4.3.5.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

1) Pemerkasaan Tadbir Urus Kewangan

Prosedur kewangan di UCPH dikemas kini selaras dengan dasar serta garis panduan kewangan yang ditetapkan oleh Pejabat Bendahari UiTM yang berpandukan kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, Arahan Perbendaharaan, serta Akta Tatacara Kewangan 1957. Justeru itu, pematuhan kepada prosedur kewangan yang terkini dijelaskan antaranya melalui taklimat kewangan yang dianjurkan oleh JBend. Selain itu, hebahan melalui email yang diterima secara berkala daripada Unit Integriti serta dapatan daripada penemuan audit turut menjadi panduan dan peringatan kepada warga kampus. Keberkesanan inisiatif ini dibuktikan melalui pencapaian konsisten JBend UCPH yang berjaya memperoleh Sijil Audit Bersih daripada Jabatan Audit Negara bagi kali ke-24 berturut-turut. Pencapaian ini bukan sahaja mencerminkan tahap pematuhan UCPH terhadap peraturan kewangan semasa, malah memperkukuh keyakinan pihak berkepentingan terhadap keupayaan universiti dalam mengurus sumber kewangan secara telus dan bertanggungjawab (**Bukti 1: K1 1.5.1**).

2) Pengukuhan Pemantauan Dan Pelaporan Prestasi Kewangan

Pengurusan Kanan UCPH turut mengadakan sesi townhall yang melibatkan seluruh warga kampus di mana antara pengisiannya adalah pembentangan laporan prestasi kewangan oleh Timbalan Bendahari merangkumi analisis belanjawan semasa melibatkan perbandingan antara peruntukan dan perbelanjaan sebenar, inisiatif penjimatan kos dan kecekapan perbelanjaan serta cadangan - cadangan bagi penjana pendapatan (**Bukti 2: K1 1.5.2**).

3) Latihan Dan Pembangunan Profesional Staf

Sebagai langkah untuk memperkukuh tatakelola kewangan UCPH, Pengurusan Kanan turut memberi penekanan terhadap latihan dan pembangunan profesional staf khususnya di JBend dan staf di lain - lain PTj amnya. Pelbagai kursus berkala telah dianjurkan yang meliputi aspek integriti dalam pengurusan kewangan, perakaunan sektor awam, pengurusan perolehan serta pengurusan aset universiti. Selain itu, Pengurusan Kanan UCPH turut menyokong penyertaan pegawai kanan dalam program pensijilan profesional yang diiktiraf antarabangsa seperti Certified Internal Auditor (CIA), Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) dan Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) sebagai usaha mempertingkatkan kecekapan teknikal serta memperkukuh kredibiliti dalam pelaksanaan fungsi kewangan universiti (**Bukti 3: K1 1.5.3**).

4) Budaya Berhemat & Kos Efisien

Beberapa mekanisma telah digariskan oleh Pengurusan Kanan bagi mengamalkan prinsip kos efektif dan berhemat antaranya dengan menggunakan Kaedah Kawalan Elaun Lebih Masa bagi mengawal penggunaan elaun lebih masa di setiap PTj. Justeru itu, taklimat berkaitan pelaksanaan kerja lebih masa telah diadakan melibatkan moderator kerja lebih masa di setiap PTj bagi memastikan tugas yang dijalankan adalah berdasarkan keperluan perkhidmatan. Hasil daripada pelaksanaan kaedah kawalan ini telah berjaya menyumbang kepada penjimatan peruntukan lebih masa iaitu penjimatan sebanyak RM609,090.28 berbanding peruntukan tahun 2023. Selain itu, inisiatif langkah penjimatan tanpa kos turut diperkasakan bagi membantu meningkatkan kecekapan kos operasi (**Bukti 4: K1 1.5.4**).

5) Pengiktirafan dan Penghargaan kepada Staf

Setiap pencapaian dan kejayaan staf akan dikongsikan melalui media sosial rasmi UCPh sebagai usaha menyuntik semangat warga UCPh untuk terus produktif dan berdedikasi dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Kecemerlangan warga UCPh turut diraikan melalui penganjuran Majlis Kemuncak Hari Inovasi UCPh 2024. Justeru itu, pemberian insentif turut disediakan bagi menghargai sumbangan dan usaha PTj yang berjaya menjana pendapatan tambahan kepada UCPh. Kecemerlangan yang ditunjukkan oleh warga UCPh ini juga turut mendapat pengiktirafan di peringkat UiTM **(Bukti 5: K1 1.5.5)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_K01_KB05_20251_BUKTI 1 K1 1.5.1.pdf](#)
2. [K0061_K01_KB05_20252_BUKTI 2 K1 1.5.2.pdf](#)
3. [K0061_K01_KB05_20253_BUKTI 3 K1 1.5.3.pdf](#)
4. [K0061_K01_KB05_20254_BUKTI 4 K1 1.5.4.pdf](#)
5. [K0061_K01_KB05_20255_BUKTI 5 K1 1.5.5.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM Cawangan Pahang (UCPh), yang merangkumi Kampus Jengka dan Kampus Raub, telah melaksanakan strategi pengurusan kewangan berimpak tinggi berteraskan **Strategi T.A.H.A.N (Tadbir, Amanah, Hasil, Akauntabiliti, Nilai Tambah)**. Terinspirasi daripada Gunung Tahan sebagai simbol daya tahan negeri, strategi ini dipacu oleh prinsip *Plan, Do, Check and Action* (PDCA) untuk mewujudkan tadbir urus kewangan yang berstruktur, lestari, dan menyeluruh.

Perancangan:

Empat objektif utama dirangka iaitu (1) pemantapan tadbir urus kewangan, (2) lonjakan hasil penjaan, (3) pengoptimuman sumber & penjimatan kos, serta (4) pencapaian Key Performance Indicator (KPI) luar biasa. Inisiatif strategik merangkumi sewaan ruang & peralatan, penganjuran seminar, produk universiti dan projek agro kampus. Perancangan ini disusun mengikut empat suku tahunan bagi memastikan sasaran dicapai secara berfasa.

Pelaksanaan:

Pelaksanaan dilaksanakan secara sistematik dengan penekanan kepada fasa kritikal tindakan, disokong oleh jadual pelaksanaan terancang, peruntukan sumber optimum dan langkah *way forward* yang jelas. Kejayaan 2024 membuktikan keberkesanan pelaksanaan, apabila UCPh menjana RM760,055.77 (Kumpulan Wang Pengurusan) dan RM2,488,251.11 (Kumpulan Wang Amanah), melebihi sasaran tahunan.

Pemantauan:

Pemantauan berkala dilaksanakan melalui mesyuarat Jabatan Bendahari (JBend), Mesyuarat Pengurusan Kanan JKEN, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Bengkel Perancangan Strategik. Kaedah bottom-up turut digunakan melalui analisis maklum balas pelanggan, peserta program penjaan pendapatan, dan e-Aduan untuk penambahbaikan berterusan.

Tindakan Penambahbaikan:

Langkah penambahbaikan termasuk pelan mitigasi, perbincangan berterusan dan sokongan pengurusan bagi memastikan keselarasan dengan objektif kewangan. Tindakan ini telah meningkatkan penjaan kewangan daripada produk agro, geran penyelidikan, kolaborasi industri, dan program berimpak tinggi. Pengurusan risiko turut diperkukuh bagi mengelakkan ancaman terhadap pencapaian sasaran. Secara keseluruhan, keberhasilan Strategi T.A.H.A.N membuktikan komitmen UCPh terhadap pengurusan kewangan yang berakauntabiliti, lestari, dan berintegriti, sejajar dengan aspirasi "Locally Rooted", matlamat GRU 2025 UiTM, dan prinsip Malaysia MADANI.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTM Cawangan Pahang (UCPh), merangkumi Kampus Jengka dan Kampus Raub serta dikenali sebagai Kampus Khazanah Alam, melaksanakan teras **strategi T.A.H.A.N (Tadbir, Amanah, Hasil, Akauntabiliti, Nilai Tambah)** yang diinspirasi daripada Gunung Tahan, simbol keteguhan dan daya tahan negeri Pahang (**Bukti 1: K2 2.2.1**).

Berpandukan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), Rancangan Strategik Universiti Teknologi MARA (UiTM) 2025 (GRU2025), dan prinsip PDCA, strategi ini memastikan tadbir urus kewangan berstruktur, lestari dan berimpak tinggi. Empat (4) **Objektif Strategik** ditetapkan: (**Bukti 2: K2 2.2.2**)

- 1) **Pemantapan Tadbir Urus Kewangan** melalui perancangan berstruktur, pengurusan berintegriti, penjanaan hasil strategik, akauntabiliti telus dan pemeraksanaan nilai tambah berterusan;
- 2) **Lonjakan Hasil Penjanaan Sumber, Produk dan Agro Kampus** dengan memanfaatkan aset dalaman, memperluas kolaborasi strategik dan mengoptimumkan aset institusi secara lestari;
- 3) **Pengoptimuman Sumber dan Penjimatan Kos** melalui pengurusan perbelanjaan cekap, pengurangan pembaziran dan pemantauan bajet berfokus; serta
- 4) **Pencapaian Petunjuk Prestasi Luar Biasa** melalui penjanaan hasil strategik dan pengukuhan akauntabiliti di semua aspek operasi.

Inisiatif merentas objektif termasuk sewaan ruang (perniagaan kampus), peralatan dan kenderaan; pembangunan produk universiti dan projek agro; penganjuran seminar berbayar; serta langkah penjimatan kos operasi kampus. (**Bukti 3: K2 2.2.3**)

Keberkesanan pelaksanaan terbukti apabila pencapaian tahun 2024, **PI128; Kumpulan Wang Pengurusan** melepasi sasaran **berjumlah RM760,055.77 (sasaran RM30,000.00)** dan **PI129; Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM2,488,251.11 (sasaran RM1,800,000.00)** (**Bukti 4: K2 2.2.4**).

Kejayaan PI128 dan PI129 berkaitan penjanaan hasil kewangan UCPh beroleh beberapa anugerah di peringkat UiTM (**Bukti 5: K2 2.2.5**).

Kejayaan ini memperkukuh keberkesanan perancangan strategik kewangan UCPh yang berlandaskan **Strategi T.A.H.A.N**, seterusnya menyokong aspirasi "*Locally Rooted*", matlamat GRU2025 teras *New Financial Source for Sustainability*, serta prinsip **Malaysia MADANI** yang menekankan integriti, daya tahan dan kelestarian dalam pengurusan kewangan universiti.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_P01_PB02_20251_BUKTI 1 K2 2.2.1.pdf](#)
2. [K0061_P01_PB02_20252_BUKTI 2 K2 2.2.2.pdf](#)
3. [K0061_P01_PB02_20253_BUKTI 3 K2 2.2.3.pdf](#)

4. [K0061_P01_PB02_20254_BUKTI 4 K2 2.2.4.pdf](#)
5. [K0061_P01_PB02_20255_BUKTI 5 K2 2.2.5.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif dan inisiatif strategik UCPH dibentuk berdasarkan input yang disenaraikan dalam Pelan Strategik UCPH, RMKe-12, Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR), Dasar Wawasan Kesejahteraan Bersama 2030 (WKB 2030), Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM – Pengajian Tinggi), dan Rancangan Strategik Universiti Teknologi MARA 2025 (GRU2025), seperti dinyatakan dalam Pelan Tindakan Perancangan Strategik (PS) UCPH). Input ini telah menyumbang kepada pembentukan teras strategi T.A.H.A.N, dengan empat (4) objektif strategik yang menekankan kecemerlangan kewangan. **(Bukti 1: K2 2.3.1a,1b,1c,1d,1e,1f,1g).**

Inisiatif strategik PS UCPH selaras dengan Performance Indicator (PI) yang diturunkan oleh UiTM kepada UCPH, sejajar dengan aspirasi universiti dan negara. UCPH menyokong sepenuhnya aspirasi *Globally Respected, Locally Rooted* dalam pengurusan kewangan dengan mengamalkan tadbir urus yang telus, cekap, dan berintegriti, selaras dengan kehendak global dan komuniti tempatan. Pendekatan digital dan inovasi dalam penjaanaan hasil universiti juga sejajar dengan matlamat RMKe-12 untuk mengukuhkan sektor awam dan menjamin kelestarian organisasi, dengan menekankan kemampuan kewangan **(Bukti 2: K2 2.3.2a).**

UCPh memberi fokus kepada dua (2) PI utama, iaitu PI128 (pengoptimuman sumber dalaman dan penjimatan perbelanjaan melalui pengurusan yang cekap) dan PI129 (pengurusan dana amanah secara strategik bagi memastikan pertumbuhan pulangan yang mampan). PI ini telah disebarkan kepada seluruh warga UCPH melalui platform Town Hall Rektor, bengkel dan mesyuarat PS, mesyuarat staf akademik, Mesyuarat PJI, dan Majlis Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi. Pelan tindakan ini bertujuan memastikan penglibatan warga dalam pelaksanaan dan pencapaian PI mengikut fasa **(Bukti 2: K2 2.3.2b,2c).**

Bengkel Perancangan Strategik Tahun 2024 yang melibatkan semua Pusat Bertanggungjawab (PTj) telah dijalankan bagi merangka projek dan strategi untuk memastikan Pelan Tindakan Strategik (SAP) UCPH tercapai. Pendekatan sistematik diambil dengan mengagihkan PI kepada fakulti dan jabatan sebagai Pengarah Projek, memastikan projek utama dan sub-projek dalam SAP tercapai. Setiap fakulti dan jabatan berjaya menghasilkan sekurang-kurangnya satu projek penjaanaan pendapatan untuk mencapai PI128 dan PI129. **(Bukti 3: K2 2.3.3a,3b).**

Projek inisiatif utama dalam pengurusan kewangan meliputi penjaanaan pendapatan, penjimatan kos operasi, peningkatan kecekapan, pemeraksanaan staf, dan ketelusan pelaksanaan, sejajar dengan perancangan kewangan yang mampan dan berimpak tinggi. Contohnya, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) bersama Unit Pengurusan Ladang (UPL) menjalankan aktiviti agro termasuk ternakan dan tanaman dengan penjualan hasil diperluas ke komuniti setempat dan UiTM Shah Alam **(Bukti 4: K2 2.3.4a,4b,4c)**

Pelaporan pencapaian PI kepada Unit Perancangan Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) dilakukan secara sukuan untuk menilai sejauh mana sasaran dan objektif universiti tercapai. Ia membolehkan analisis prestasi menyeluruh, mengenal pasti faktor kejayaan atau kelemahan pelaksanaan, serta menyediakan cadangan penambahbaikan secara sistematik. Pelaporan ini juga menjadi asas bagi pengambilan keputusan strategik, pemantauan keberkesanan program, dan memastikan setiap jabatan berada pada landasan yang betul untuk

Dengan pendekatan ini, UCPH berjaya menyelaraskan objektif dan inisiatif strategik organisasi dengan aspirasi universiti dan negara, memastikan pengurusan kewangan berimpak tinggi, mampan, dan menyumbang kepada kecemerlangan keseluruhan UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_P01_PB03_20251_BUKTI 1 K2.2.3.1.pdf](#)
2. [K0061_P01_PB03_20252_Bukti 2 K2.2.3.2.pdf](#)
3. [K0061_P01_PB03_20253_Bukti 3 K2.2.3.3.pdf](#)
4. [K0061_P01_PB03_20254_Bukti 4 K2.2.3.4.pdf](#)
5. [K0061_P01_PB03_20255_Bukti 5 K2.2.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UCPh melaksanakan pemantauan berdasarkan objektif dan inisiatif strategik secara sistematik. Dengan menggunakan *Plan-Do-Check-Action* (PDCA) bagi memastikan strategi yang digariskan dapat dilaksanakan dengan berkesan serta sejajar dengan aspirasi universiti. Pemantauan dijalankan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Mesyuarat Pengurusan Dalam (MPD), Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), dan Mesyuarat Jawatankuasa Akademik (JAN). Setiap mesyuarat menekankan laporan pencapaian PI sebagai indikator keberkesanan strategi dan asas tindakan penambahbaikan.

Pelan Pemantauan dan Pelaporan Petunjuk Prestasi (PI) UCPH menjelaskan bagaimana pemantauan setiap keberhasilan dilaksanakan di peringkat jabatan (**Bukti 1: K2 2.4.1.1**). Tindakan pemantauan dilaksanakan bagi setiap PI yang dipertanggungjawabkan, dan hasil pencapaiannya dilaporkan kepada PSTU. PI dibentangkan kepada Pengurusan Kanan yang diadakan setiap sukuan. Pembentangan ini bertujuan melaporkan prestasi setiap jabatan, mengenal pasti kekangan yang dihadapi, serta merumuskan langkah penyelesaian bagi memastikan PI yang ditetapkan dapat dicapai. (**Bukti 2: K2 2.4.1.2**)

UCPh melibatkan semua staf melalui sesi Town Hall, bengkel strategik, mesyuarat jabatan, serta menyalurkan maklumat melalui semua platform komunikasi rasmi. Semua jabatan memainkan peranan dalam pencapaian PI128 (pengoptimuman sumber dalaman) dan PI129 (pengurusan dana amanah), JBend bertindak sebagai penyelaras kewangan utama bagi memastikan kesinambungan strategi penjana hasil dan pengurusan dana. Penggunaan Tabung Amanah Fakulti (TAF) yang diwujudkan menyokong universiti dalam menjana pendapatan melalui hasil pertanian, perkhidmatan, aktiviti dan program UCPH. Keseluruhan usaha ini dilaksanakan bagi memastikan bagi UCPH mencapai sekurang-kurangnya 80%, sehingga mencapai menggambarkan Kejayaan UCPH mencapai 91.7%, dalam skor i-UiTM menunjukkan peningkatan konsisten setiap sukuan menunjukkan keberhasilan strategi secara berterusan. (**Bukti 3: K2 2.4.1.3**)

Pelaksanaan Audit Dalam, Audit Luar, Audit Kewangan, Kaji Selidik dan mekanisme aduan turut menjadi kawalan dalam pemantauan pengurusan kewangan. Maklum balas pelanggan pula membantu mengenal pasti kelemahan sedia ada untuk diperbaiki. Hasil daripada pemantauan ini digunakan untuk penambahbaikan berterusan yang lebih berkesan. (**Bukti 4: K2 2.4.1.4**)

Pelan Pemantauan digunakan membuktikan komitmen UCPH terhadap pengurusan yang berstruktur, telus dan berimpak tinggi. Pelan ini turut melibatkan UCPH sebagai penggerak utama ke arah pengurusan kewangan yang lestari. Contohnya JBend UCPH menganjurkan sesi taklimat dan libat urus kewangan kepada semua PTj bagi memperkukuh kefahaman, menambah baik pelaksanaan serta melancarkan proses operasi kewangan secara menyeluruh. (**Bukti 5: K2 2.4.1.5**)

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_P01_PB04_PC01_20251_Bukti 1 K2 2.4.1.1.pdf](#)
2. [K0061_P01_PB04_PC01_20252_Bukti 2 K2 2.4.1.2.pdf](#)

3. [K0061_P01_PB04_PC01_20253_Bukti 3 K2 2.4.1.3.pdf](#)
4. [K0061_P01_PB04_PC01_20254_Bukti 4 K2 2.4.1.4.pdf](#)
5. [K0061_P01_PB04_PC01_20255_Bukti 5 K2 2.4.1.5.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pendekatan pengurusan risiko UCPH iaitu struktur tadbir urus, prosedur pengurusan risiko dan analisis *Strength, Weakness, Opportunity, Threat (SWOT)* adalah berpandukan kerangka Unit Pengurusan Risiko UiTM. **(Bukti 1: K2.2.4.2.1a,1b,1c).**

Mesyuarat Majlis Pengurusan Risiko Strategik Universiti telah menerima pakai Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang diadaptasi daripada ISO:31000: *Risk Management Principles and Guidelines* oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTj) di UiTM. Proses pengurusan risiko merupakan proses yang dipraktikkan oleh semua peringkat pengurusan dan sokongan UCPH. **(Bukti 2: K2.2.4.2.2).**

Dalam usaha untuk memastikan pengurusan risiko universiti yang mantap, risiko-risiko perlulah dikenalpasti supaya tindakan kawalan yang berkesan dapat diambil. Melalui bidang tumpuan pengurusan kewangan, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (MJPR) UCPH telah mengenal pasti risiko utama yang boleh menjejaskan pencapaian objektif dan inisiatif strategik. Daftar risiko ini dibentangkan dan dibincangkan dalam MJPR dan MKSP.

Antara risiko utama termasuk:

- 1) Risiko penjana pendapatan; ketidakmampuan memperoleh dana secara konsisten bagi menyokong inisiatif strategik.
- 2) Risiko kos penyelenggaraan tinggi; menjejaskan keupayaan penjimatan kos operasi.
- 3) Risiko kekurangan dana penyelidikan & inovasi; Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, dana tidak mencukupi untuk menyokong aktiviti penyelidikan.
- 4) Risiko kewangan berkaitan tadbir urus; kelewatan pembayaran selepas tamat kontrak dan kebocoran maklumat perolehan.
- 5) Risiko pelaksanaan kampus tanpa tunai; berkait rapat dengan inisiatif pendigitalan dan automasi proses kewangan.

Pengurusan risiko dikawal sepenuhnya melalui MJPR, yang dipengerusikan oleh Rektor UCPH dan dihadiri pemilik risiko dari pelbagai bahagian dan fakulti. Penyelaras Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR) bertanggungjawab mengumpul, menganalisis dan mendaftarkan risiko. Berdasarkan daftar risiko, analisis penilaian risiko dijalankan, diikuti pelaksanaan tindakan kawalan dan **langkah pencegahan serta penambakan** oleh pemilik risiko **(Bukti 3: K2.2.4.2.3)**. Setiap risiko yang dibincangkan dalam MJPR akan dianalisis secara mendalam untuk menentukan boleh dikawal dengan baik atau memerlukan tindakan tambahan. Penyelaras JPR mengemaskini daftar risiko daripada template daftar risiko setiap fakulti dan bahagian melalui sistem *Electronic Risk Management System (e-RMS)* secara berkala. **(Bukti 4: K2.2.4.2.4)**

Pemantauan risiko ini juga menjadi elemen penting dalam menyokong keberhasilan perancangan strategik UCPH **(Bukti 5: K2.2.4.2.5)**. Ia bukan sahaja memastikan pencapaian objektif kewangan, malah memperkukuh keupayaan institusi menghadapi cabaran dalam pengurusan kewangan dan pengoperasian fakulti, selaras dengan matlamat strategik universiti.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_P01_PB04_PC02_20251_Bukti 1 K2 2.4.2.1.pdf](#)
2. [K0061_P01_PB04_PC02_20252_Bukti 2 K2 2.4.2.2.pdf](#)
3. [K0061_P01_PB04_PC02_20253_Bukti 3 K2 2.4.2.3.pdf](#)
4. [K0061_P01_PB04_PC02_20254_Bukti 4 K2 2.4.2.4.pdf](#)
5. [K0061_P01_PB04_PC02_20255_Bukti 5 K2 2.4.2.5.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UCPh mengamalkan kaji semula data dan tindakan susulan yang tersusun dalam pengurusan kewangan berdasarkan **Perancangan Strategi: Kaji Semula (Bukti 1: K2.2.4.3.1)** berasaskan strategik **T.A.H.A.N** UCPh. Kaedah ini membolehkan penilaian semula keberkesanan pelaksanaan bajet, program penjanaaan dan kawalan perbelanjaan melalui semakan prestasi berkala. Pada 2024, analisis data kewangan, laporan hasil penjanaaan, penjimatan dan pencapaian PI mendapati:

- 1) Penjanaaan hasil melebihi sasaran asal, mencerminkan kekuatan aktiviti berimpak tinggi.
- 2) Ketidakteragamaan agihan perbelanjaan antara kampus memerlukan pelarasan bajet.
- 3) Beberapa peruntukan tidak dimanfaatkan sepenuhnya akibat perubahan program.

Susulan penemuan ini, sesi perbincangan kaji semula melibatkan ketua jabatan, ketua pusat pengajian, timbalan bendahari dan staf pentadbiran diadakan melalui Mesyuarat JKEN (bulanan) dan Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) (dua (2) kali setahun) **(Bukti 2: K2.2.4.3.2)**.

Tindakan penambahbaikan termasuk:

- 1) Penyeragaman perancangan bajet & laporan antara kampus.
- 2) Latihan dalaman kepada staf akademik/pentadbiran mengenai pelaporan kewangan & pengurusan geran.
- 3) Pengemaskinian garis panduan penggunaan Tabung Amanah.
- 4) Penubuhan Jawatankuasa Penilaian Prestasi Kewangan Program untuk menilai cadangan sebelum dilaksanakan.

Maklumat tindakan ini **dikongsi** melalui Taklimat Kewangan Tahunan, edaran manual kewangan baharu, dan perkongsian amalan terbaik semasa Pembentangan Projek Petunjuk Prestasi (PI) Bendahari **(Bukti 3: K2.2.4.3.3)**. Pendekatan ini membuktikan elemen Akauntabiliti dan Nilai Tambah dalam Strategi T.A.H.A.N dilaksanakan dan disemak secara berterusan **(Bukti 4: K2.2.4.3.4)**.

Hasilnya, UCPh meningkatkan ketepatan penggunaan bajet melebihi 2000% bagi PI128 dan 38.24% bagi PI129, di samping penjanaaan hasil serta penjimatan kos lain **(Bukti 5: K2.2.4.3.5)**. Pelaksanaan kaji semula ini berjaya mengurangkan ketidakwajaran perbelanjaan, memacu pencapaian PI kampus, dan mengukuhkan pengurusan kewangan yang berintegriti selaras aspirasi *Locally Rooted* dan prinsip Malaysia MADANI.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_P01_PB04_PC03_20251_Bukti 1 K2 2.4.3.1.pdf](#)

2. [K0061_P01_PB04_PC03_20252_BUKTI 2 K2 2.4.3.2.pdf](#)
3. [K0061_P01_PB04_PC03_20253_Bukti 3 K2 2.4.3.3.pdf](#)
4. [K0061_P01_PB04_PC03_20254_Bukti 4 K2 2.4.3.4.pdf](#)
5. [K0061_P01_PB04_PC03_20255_BUKTI 5 K2 2.4.3.5.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelaksanaan dan penambahbaikan berterusan dalam pengurusan kewangan UCPH melalui inisiatif JBend telah mewujudkan tahap pembudayaan yang kukuh berasaskan inovasi digital, penjanaan hasil, serta pengurusan kos berhemah.

Melalui inisiatif “*Kampus Pintar Khazanah Alam*”, pembudayaan pendigitalan kewangan semakin menyerlah. Pelaksanaan Cashless Campus di UCPH bukan sekadar inisiatif teknologi, tetapi telah membentuk satu budaya kewangan digital yang inklusif. Transaksi tanpa tunai melalui kod QR, kad debit/kredit, dan e-wallet telah diterima secara meluas oleh warga UCPH sehingga menjadi amalan harian. Normalisasi kaedah ini melambangkan perubahan sikap warga kampus terhadap kaedah pembayaran moden yang lebih cekap, telus dan selamat. Tahap kecekapan operasi kewangan, mengurangkan risiko pengendalian tunai, serta menyokong aspirasi pendigitalan university. **Inovasi** yang JBend bangunkan seperti **e-Rental** untuk pengurusan sewaan infrastruktur dan **e-Daftar Lejer Tabung Amanah untuk pengurusan kewangan** yang sistematik. Transformasi digital menjadi ekosistem kewangan menyeluruh, menggabungkan operasi dalaman kampus dengan sistem utama UiTM dan menanamkan budaya kerja berasaskan data serta automasi. **(Bukti 1: K2.2.5.1)**

Kempen *Save Energy, Save Money* telah membudayakan amalan penjimatan tenaga dalam kalangan warga kampus. Usaha ini dilaksanakan secara berterusan melalui pengawalan penggunaan elektrik, penyaman udara secara berhemah serta pengurusan fasiliti yang terkawal. Amalan konsisten ini bukan sahaja mengurangkan kos operasi, malah meningkatkan kesedaran kolektif bahawa penjimatan sumber merupakan sebahagian daripada budaya pengurusan kewangan berhemah di UCPH. **(Bukti 2: K2.2.5.2)**

Program Penjanaan Kewangan di UCPH turut diperkukuh melalui pelbagai sumber hasil alternatif. Antaranya termasuklah sewaan ruang perniagaan, sewaan peralatan dan kenderaan, serta penganjuran seminar, bengkel, latihan, penyelidikan dan perundingan. Selain itu, penerimaan geran penyelidikan juga menyumbang kepada kelestarian kewangan universiti. Dari segi inovasi, penganjuran Virtual International Breakthrough Invention, Innovation & Design Exhibition (VI- BIlde) 2024 menjadi platform antarabangsa yang berimpak tinggi, manakala penghasilan produk universiti seperti perkayuan (gazebo, perabot) dan projek agro menjadi sumber hasil berterusan. Kesemua inisiatif ini membuktikan pembudayaan inovasi, keusahawanan dan kolaborasi strategik telah menjadi identiti kewangan UCPH yang mampan dan berdaya saing. **(Bukti 3: K2.2.5.3)**

Pengiktirafan projek inovasi di peringkat UCPH dan luar UiTM membuktikan keberkesanan perancangan strategik yang dilaksanakan, dengan mengintegrasikan elemen integriti kewangan dalam pendidikan, teknologi, komuniti dan ekonomi. Ekosistem inovasi yang terbentuk bukan sahaja menyokong kelestarian kewangan, malah membudayakan amalan kerja yang kreatif dan berorientasikan hasil. Malah, inisiatif kecekapan pengurusan kewangan UCPH telah mendorong penghasilan inovasi di semua jabatan, sekali gus memperkukuh identiti universiti yang mampan dan berdaya saing untuk manfaat jangka panjang. **(Bukti 4: K2.2.5.4) & (Bukti 5: K2.2.5.5)**

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_P01_PB05_20251_BUKTI 1 K2 2.5.1.pdf](#)
2. [K0061_P01_PB05_20252_BUKTI 2 K2 2.5.2.pdf](#)
3. [K0061_P01_PB05_20253_BUKTI 3 K2 2.5.3.pdf](#)

4. [K0061_P01_PB05_20254_BUKTI 4 K2 2.5.4.pdf](#)
5. [K0061_P01_PB05_20255_BUKTI 5 K2 2.5.5.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang (UCPh) sentiasa memastikan kepuasan pelanggan menjadi fokus utama dalam menjayakan bidang pengurusan kewangan selaras dengan **Pelan strategik UiTM 2024 ke arah Globally Renowned University, Globally Respected dan Locally Rooted**. Dengan perancangan yang mantap, UCPh berjaya menjadi salah satu institusi pendidikan negara yang cemerlang dalam pengurusan kewangan berintegriti dan berimpak tinggi untuk memenuhi kehendak pelanggan dalaman dan luaran berlandaskan empat objektif utama yang telah ditetapkan oleh Perancangan Strategik UCPh.

Pendekatan yang digunakan oleh UCPh dalam bidang tumpuan pengurusan kewangan berasaskan konsep tumpuan kepada pelanggan, selaras dengan **strategi T.A.H.A.N.** Pendekatan ini dimulakan dengan mengenal pasti kumpulan pelanggan yang dibahagikan kepada **dua kategori utama iaitu pelanggan dalaman dan pelanggan luaran**. Pelanggan dalaman terdiri daripada **staf akademik dan bukan akademik** yang terlibat sebagai pelaksana program penajaan, serta **pelajar** yang memainkan peranan penting melalui penglibatan dalam program keusahawanan seperti 'Jom Balik Kampung' dan Sistem Pengurusan Parcel Kolej (SPARK). Sementara itu, pelanggan luaran meliputi **agensi, komuniti, alumni dan industri** yang turut menyumbang kepada pengukuhan pengurusan kewangan melalui pelbagai bentuk kerjasama seperti penajaan, sewaan tapak dan pelaksanaan program bersama.

Pelaksanaan pengurusan kewangan UCPh menekankan tadbir urus tangkas dengan penyimpanan data pelanggan secara sistematik bagi tujuan audit dan penambahbaikan. Semua transaksi direkodkan mengikut prosedur semasa dan piawaian yang ditetapkan, termasuk **hasil terimaan yang direkod mengikut pusat kos dan kod projek**. Pelanggan dalaman dan luaran terlibat secara langsung melalui beberapa pelaksanaan termasuk **penganjuran program penajaan pendapatan** oleh pelajar, staf dan alumni seperti Program 'Balik Kampung', *Faculty Of Accountancy (FOA) Market Place* dan Malam Gala. Selain itu, UCPh turut menyediakan **perkhidmatan sewaan fasiliti** menggunakan sistem e-Rental, dengan kerjasama agensi luar seperti Majlis Sukan Pahang. Pelaksanaan turut diperkukuh melalui **penyedaran maklumat dan taklimat awal** kepada pelanggan dalaman dan luaran bagi memastikan kelancaran permohonan serta penglibatan yang menyeluruh dalam setiap aktiviti.

Pelaksanaan pengurusan kewangan UCPh memberi **ganjaran** kepada pelanggan dalaman dan luaran. Staf dan pelajar berpeluang **mengurus program** penajaan kewangan dan **menjana pendapatan**. Agensi dan industri mendapat manfaat melalui **kolaborasi strategik dan perundingan**. Komuniti diberi **akses kepada fasiliti** untuk aktiviti sosial dan niaga. Alumni berpeluang **menyumbang serta menjalin hubungan semula**. Semua pihak menerima faedah kewangan, pembangunan kemahiran dan pengukuhan jaringan strategik.

Dalam aspek **pengurusan risiko**, UCPh mengenal pasti beberapa isu seperti kelewatan penyata kewangan, capaian WiFi yang terhad, kurang kefahaman tatacara kewangan, dan kekangan bajet. Bagi mengurangkan risiko ini, UCPh telah **menyediakan pelan pengurusan risiko** yang melibatkan taklimat kewangan, panduan kod akaun, promosi awal program, dan sokongan zakat kepada pelajar. Manakala dari sudut **penambahbaikan**, maklum balas dikumpul melalui saluran rasmi seperti E-Aduan dan mesyuarat pengurusan. **Laporan menunjukkan kepuasan pelanggan 100%** pada tahun 2024. Taklimat kewangan secara berkala kepada pelajar dan staf serta sistem perolehan vendor secara telus turut dilaksanakan

bagi memasukkan keberkesanan tadbir urus dan kelangsungan operasi kewangan UCPn.

Tindakan terhadap maklum balas pelanggan telah meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan kewangan UCPn melalui pelbagai **inovasi** seperti e-Rental UCPn, Laman Web Rasmi Jabatan Bendahari UCPn, MyKomuniti STEM dan e-LogBook. **Integrasi ini turut memperkukuh hubungan dengan pelanggan dan meningkatkan kepuasan pelanggan** melalui perkhidmatan yang lebih cepat, mudah dan bersistematik.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan tumpuan pelanggan oleh UCPH bermula dengan mengenalpasti kumpulan pelanggan yang secara umumnya terdiri dari pelanggan utama dan pelanggan proses, mengikut definisi Institute of Quality and Knowledge Advancement (InQKA). Pelanggan dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu **pelanggan dalaman** dan **pelanggan luaran**. Kategori pertama iaitu pelanggan dalaman terdiri daripada **staf akademik** dan **staf bukan akademik** serta semua **pelajar UCPH** termasuk jawatankuasa pelajar seperti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Pengurusan Kolej (JPK), persatuan dan kelab. Manakala kategori kedua iaitu pelanggan luaran terbahagi kepada empat (4) kumpulan iaitu **agensi, komuniti, alumni dan industri**. **(Bukti 1: K3 3.2.1a)**

Pelanggan dalaman iaitu staf UCPH bertanggungjawab sebagai penganjur program berbentuk penjaan mengikut keperluan dan kemampuan fakulti serta jabatan masing-masing **(Bukti 2: K3 3.2.1b)**. Antara Projek Inisiatif Utama ke-3 UCPH adalah penganjuran program FOA Market Place oleh Fakulti Perakaunan dimana ianya dijalankan setiap tahun sebagai salah satu usaha proaktif ke arah kemampanan pengurusan kewangan UCPH. **(Bukti 2: K3 3.2.2)**

Pelajar turut diberi peluang dalam menjayakan bidang pengurusan kewangan oleh UCPH mengikut pengkelasan kategori **(Bukti 3: K3 3.2.3a)**. Antara aktiviti berimpak tinggi yang mengutamakan keselamatan pelajar, adalah **perkhidmatan bas untuk pulang ke kampung dan kembali ke kampung** telah dilaksanakan oleh MPP UCPH. Perkhidmatan ini adalah penambahbaikan susulan rungutan dan keresahan pelajar terhadap kesukaran mendapatkan perkhidmatan bas luar setiap kali cuti perayaan dan semester. Selain itu, penghasilan inovasi daripada Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Modular Ideator Module (MIM) iaitu **Sistem SPARK berpusat** di Unit Pengurusan Kolej (UPK) yang telah digunakan oleh JPK Kolej Kampus Raub. Kedua-dua program ini telah membantu penjaan UCPH sekaligus mencapai objektif kualiti ke-9, iaitu Pembudayaan keusahawanan pelajar melalui penganjuran 20 program keusahawanan pelajar bagi tahun 2024. **(Bukti 3: K3 3.2.3b,3c)**

Pelanggan luaran pula berperanan sebagai penyumbang kepada pemantapan pengurusan kewangan UCPH. Pelbagai program dianjurkan secara kerjasama yang melibatkan **empat (4) kategori pelanggan luaran** iaitu agensi, alumni, komuniti dan industri. Melalui **penganjuran Malam Gala UiTM 25 Tahun dan Malam Gala Pusat Pengajian Industri Perkayuan (PPIP) 2024**, data alumni dan sumbangan kewangan daripada alumni telah dikumpul. Rekod sumbangan penjaan komuniti juga dapat dikenalpasti melalui **program sewaan ruang** niaga seperti Tapak Pasar Rabu di Kampus Jengka dan Tapak Pasar Isnin di Kampus Raub, Karnival Food Truck dan sewaan kafetaria sekitar Kampus Jengka yang menyumbang secara berterusan kepada UCPH **(Bukti 4: K3 3.2.4a,4b,4c)**.

UCPh sentiasa melaksanakan pemantauan dalaman melalui Unit Unit Perancangan Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) dengan memastikan setiap Pecapaian Prestasi (*Performance Indicator*) (PI) berkaitan pelanggan telah dicapai mengikut sukuan tahunan. Jabatan Bendahari (JBend) bertanggungjawab dalam pembahagian PI berkaitan pengurusan kewangan kepada Pusat Bertanggungjawab (PTj) pada setiap tahun melalui **Bengkel Pemurnian Perancangan Strategik UCPH 2024**. Seterusnya, setiap bahagian dan PTj mengemaskini pencapaian masing-masing setiap sukuan tahunan dan perkongsian pengetahuan dilaksanakan di dalam Pembentangan Pelaporan Pencapaian Petunjuk Prestasi Sukuan (6PIS). **(Bukti 5: K3 3.2.5a & 5b)**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_T01_TB02_20251_BUKTI 1 K3 3.2.1.pdf](#)
2. [K0061_T01_TB02_20252_BUKTI 2 K3 3.2.2.pdf](#)
3. [K0061_T01_TB02_20253_BUKTI 3 K3 3.2.3.pdf](#)
4. [K0061_T01_TB02_20254_BUKTI 4 K3 3.2.4.pdf](#)
5. [K0061_T01_TB02_20255_BUKTI 5 K3 3.2.5.pdf](#)
6. [K0061_T01_TB02_20251_BUKTI 1 K3 3.2.1.pdf](#)
7. [K0061_T01_TB02_20252_BUKTI 2 K3 3.2.2.pdf](#)
8. [K0061_T01_TB02_20253_BUKTI 3 K3 3.2.3.pdf](#)
9. [K0061_T01_TB02_20254_BUKTI 4 K3 3.2.4.pdf](#)
10. [K0061_T01_TB02_20255_BUKTI 5 K3 3.2.5.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelaksanaan pengurusan kewangan yang efektif di UCPh adalah hasil daripada tadbir urus yang tangkas bagi memastikan setiap data kewangan disimpan dengan baik untuk tujuan audit serta penambahbaikan berterusan. Semua transaksi kewangan dikenalpasti dan direkodkan melalui **Sistem Modul Pengurusan Akaun (FAIS)** yang membolehkan pemantauan aliran hasil dan perbelanjaan dilakukan dengan lebih terperinci. Sistem ini juga memudahkan penyediaan laporan kewangan secara telus dan sistematik.

Bagi tujuan penambahbaikan, JBend telah mewujudkan beberapa inisiatif untuk memudahkan penyimpanan dan pengecaman data kewangan pelanggan. Setiap kod projek berfungsi sebagai akaun khusus yang merekodkan semua transaksi kewangan, sama ada aliran terimaan mahupun aliran perbelanjaan. Di samping itu, terdapat data-data lain dan lokasi penyimpanan data bagi PTj yang bertanggungjawab. **(Bukti 1: K3 3.3.1a,1b,1c)**.

UCPh sentiasa komited dalam melibatkan pelanggan secara aktif dalam pelaksanaan aktiviti pengurusan kewangan. Antara program dan aktiviti yang melibatkan pelanggan adalah: **(Bukti 2: K3 3.3.2a)**

i. Sewaan Fasiliti

UCPh telah menyediakan pelbagai fasiliti untuk disewa kepada pelanggan bagi tujuan penajaan kewangan seperti dewan, kemudahan riadah, utiliti, kenderaan, kolej kediaman dan peralatan makmal. Kebanyakan fasiliti yang disewa adalah bagi tujuan penganjuran program oleh pelanggan yang terdiri daripada agensi, pelajar dan komuniti **(Bukti 2: K3 3.3.2b,2c,2d)**.

ii. Penganjuran Program

UCPh juga telah menganjurkan pelbagai bentuk program/seminar yang melibatkan pelanggan dalaman dan luaran bagi menjana pendapatan UCPh. Antaranya adalah Penganjuran **Program Virtual International Breakthrough, Invention, Innovation & Design Exhibition (VI-BiiDE) 2024** yang memberikan impak positif kepada kewangan melalui yuran penyertaan pelanggan dalam dan luar dengan jumlah RM21,710.00. Program ini membuktikan UCPh berjaya melibatkan pelanggan sehingga ke peringkat antarabangsa. **(Bukti 3: K3 3.3.3a,3b)**

iii. Aktiviti Pelajar

Penglibatan pelajar dalam penajaan pendapatan merupakan antara inisiatif UCPh bagi meningkatkan kemahiran kepimpinan dan keusahawanan. Antaranya adalah aktiviti keusahawanan yang dianjurkan oleh MPP melalui program **UNIFEST** yang berjaya mendapat pendapatan melalui bayaran sewa tapak dan hasil jualan. Selain itu, terdapat beberapa aktiviti lain yang dapat menjana pendapatan. **(Bukti 4: K3 3.3.4a,4b,4c)**.

iv. Aktiviti Ruang Niaga

Penglibatan komuniti dan industri dalam penyewaan ruang niaga di dalam kampus merupakan antara inisiatif strategik UCPh yang menyumbang kepada penajaan pendapatan sewaan tetap seperti program Pasar Isnin dan Pasar Rabu yang diadakan setiap semester. **(Bukti 4: K3 3.3.4d,4e)**.

v. Sumbangan/Tajaan

UCPh juga telah menerima sumbangan/tajaan daripada agensi dan syarikat bagi menjayakan aktiviti University Social Responsibility (USR) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Antaranya adalah program yang disumbangkan oleh Yayasan Foodbank Malaysia dengan jumlah dana sebanyak RM15,000.00. Program ini melibatkan aktiviti bersama komuniti Orang Asli Bateq di Kampung Cangkung. **(Bukti 5: K3 3.3.5a,5b)**

vi. Perundingan Dan Penyelidikan

UCPh telah berjaya mendapatkan geran penyelidikan daripada agensi dan industri sehingga ke peringkat antarabangsa. Antaranya adalah geran luar daripada FGV bernilai RM 70,000.00 bagi menjalankan penyelidikan yang memberikan impak positif kepada komuniti setempat. Perundingan yang melibatkan kepakaran staf yang diberikan oleh agensi dan industri telah menjana pendapatan Tabung Amanah Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri BPJI. **(Bukti 5: K3 3.3.5c,5d,5e).**

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_T01_TB03_20251_BUKTI 1 K3 3.3.1.pdf](#)
2. [K0061_T01_TB03_20252_BUKTI 2 K3 3.3.2.pdf](#)
3. [K0061_T01_TB03_20253_BUKTI 3 K3 3.3.3.pdf](#)
4. [K0061_T01_TB03_20254_BUKTI 4 K3 3.3.4.pdf](#)
5. [K0061_T01_TB03_20255_BUKTI 5 K3 3.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelaksanaan aktiviti/program dalam bidang pengurusan kewangan mengikut kepada **Objektif Strategik UCPH** memberikan pelbagai ganjaran dan kebaikan yang signifikan kepada semua pihak berkepentingan, termasuk staf, pelajar, agensi, komuniti, alumni dan industri **(Bukti 1: K3 3.4.1.1)**

Pelaksanaan program penajaan kewangan memberi manfaat kepada **staf** melalui kemahiran pengurusan, peluang penajaan dan penggunaan fasiliti yang disediakan. Selain itu, pengibatan staf akademik dalam penyelidikan dan perundingan membantu meningkatkan *Key Performance Index* (KPI) tahunan UCPH seterusnya memberi peluang untuk kenaikan pangkat. **(Bukti 2: K3 3.4.1.2a).**

Pelajar turut memperoleh manfaat dalam aktiviti yang berkaitan pengurusan kewangan. Di samping itu, UCPH telah melaksanakan penambahbaikan pelaksanaan program pelajar dengan melantik Term of Reference (TOR) Jawatankuasa Mesyuarat Kelulusan Aktiviti Pelajar (JKAP) bagi memantau proses aktiviti yang dilaksanakan. **(Bukti 2: K3 3.4.1.2b).**

Selain itu, BHEA turut memperuntukkan perbelanjaan bagi staf dan pelajar yang menyertai **Program Mobiliti “Outbound” di Southwest Forestry University (SWFU), China**. Perkara ini membuktikan komitmen UCPH dalam menguruskan belanjawan bagi program yang memberi manfaat kepada staf dan pelajar. Program tersebut telah mengeratkan hubungan dua hala antara Malaysia dan China serta memperkukuh aktiviti kolaborasi antara UCPH dan Universiti KunMing, China. **(Bukti 4: K3 3.4.1.3)**

Kebaikan turut diperolehi oleh pelanggan luar seperti peluang kolaborasi dan penganjuran program *Virtual International Breakthrough Invention, Innovation & Design Exhibition* (Vi-BiiDE) **(Bukti 3: K3 3.3.3b)**. Bagi agensi dan industri, manfaat ditunjukkan melalui kerjasama strategik dan peluang perkongsian kepakaran **(Bukti 4: K3 3.4.1.4a).**

Alumni pula diberi peluang untuk menyumbang kepada UCPH melalui program **penganjuran Malam Gala UiTM 25 Tahun dan Malam Gala Pusat Pengajian Industri Perkayuan (PIIP) 2024**. Manakala komuniti juga mendapat manfaat melalui penyewaan dan penggunaan fasiliti UCPH untuk aktiviti sosial dan ekonomi seperti pasar tani serta majlis perkahwinan **(Bukti 4: K3 3.4.1.4b)**

Pelaksanaan bidang tumpuan pengurusan kewangan bukan sahaja menyumbang kepada pencapaian strategi UCPH, malah memberi ganjaran menyeluruh kepada staf, pelajar, agensi, industri, alumni dan komuniti.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_T01_TB04_TC01_20251_BUKTI 1 K3 3.4.1.1.pdf](#)

3. [K0061_T01_TB04_TC01_20253_BUKTI 3 K3 3.4.1.3.pdf](#)
4. [K0061_T01_TB04_TC01_20254_BUKTI 4 K3 3.4.1.4.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pelan Pengurusan risiko merupakan proses mengenal pasti, menilai dan mencegah risiko yang boleh memberi kesan kepada organisasi. Oleh itu, pengurusan risiko amat penting bagi mengelakkan kerugian, memperkukuh daya tahan serta memastikan kelangsungan operasi **(Bukti 1: K3 3.4.2.1)**. Di UCPh, Pelan Pengurusan Risiko, meningkatkan tahap kesiapsiagaan dan kepekaan staf menghadapi risiko disamping memperkukuh keyakinan pelanggan. Antara Lima (5) risiko berkaitan pelanggan yang dikenalpasti: **(Bukti 2: K3 3.4.2.2)**

i. Capaian WiFi di Kolej Mat Kilau

Capaian WiFi yang lemah menjejaskan pembelajaran atas talian dan kepuasan hati pelajar. Oleh itu, Projek pemasangan WiFi baharu dijangka siap pada Ogos 2025 bagi memastikan akses internet stabil dan menyokong keperluan pembelajaran digital. **(Bukti 3: K3 3.4.2.3a)**

i. Ketidakpatuhan tatakelola kewangan dalam pengurusan geran di BPJL.

Kredibiliti UCPh di dalam pengurusan geran menimbulkan risiko kewangan dan reputasi. Oleh itu, Penganjuran Taklimat Tatacara Kewangan kepada staf bagi meningkatkan kefahaman, kepatuhan dan ketelusan dalam pengurusan kewangan geran. **(Bukti 3: K3 3.4.2.3b)**

ii. Pelajar B40 UCPh berdepan kesukaran membiayai kos pengajian

Pelajar UCPh akan menanggung atau menghentikan pengajian, yang akhirnya menjejaskan kadar lulus serta imej kebajikan UCPh. Unit Unit Zakat, Wakaf dan Sedekah (ZAWAF) menyalurkan maklumat kepada jabatan serta mengenalpasti permohonan yang layak menerima zakat. **(Bukti 3: K3 3.4.2.3c)**

iii. Kekurangan Bajet bagi Program Mekarmatik oleh KPPIM – MyKomuniti STEM

Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM) mengalami kekurangan bajet untuk penganjuran Program Mekarmatik yang dilaksanakan di bawah MyKomuniti STEM menyukarkan pelaksanaan program yang berkualiti, sekali gus menghadkan penglibatan komuniti dan pencapaian objektif strategik. Bagi menangani isu ini, setiap program dirancang dengan anggaran kos realistik serta disokong oleh sumbangan dana fakulti. **(Bukti 3: K3 3.4.2.3d)**

iv. Kurang sambutan penggerai dalam program UCPh

Minat penggerai untuk menyertai aktiviti jualan berkurangan, sekali gus menjejaskan jumlah penyertaan, pulangan kewangan dan imej penganjuran UCPh. UCPh melaksanakan strategi promosi lebih agresif dengan mengadakan hebahan awal kepada penggerai sebulan sebelum program, menggantung poster seawal 8 hari sebelum program, menawarkan kadar yuran yang berpatutan, menjalin kerjasama dengan komuniti dan alumni, serta menyediakan aktiviti sampingan menarik. **(Bukti 3: K3 3.4.2.3e)**. Langkah-langkah ini membuktikan komitmen UCPh dalam melaksanakan pengurusan risiko .

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_T01_TB04_TC02_20251_BUKTI 1 K3 3.4.2.1.pdf](#)
2. [K0061_T01_TB04_TC02_20252_BUKTI 2 K3 3.4.2.2.pdf](#)
3. [K0061_T01_TB04_TC02_20253_BUKTI 3 K3 3.4.2.3.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Maklum balas dan aduan pelanggan memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan UCPH dengan mengenal pasti kelemahan, memahami keperluan serta kehendak pelanggan dan mengambil tindakan penambahbaikan. Dengan mengambil tindakan terhadap maklum balas dan aduan, kepuasan hati pelanggan dapat ditingkatkan serta mengukuhkan reputasi dan hubungan jangka panjang. Maklumbalas dan aduan daripada pelanggan boleh diperolehi melalui laman sesawang UCPH di pautan E-Aduan. Masalah disalurkan kepada bahagian yang berkaitan mengikut kategori aduan yang telah dibuat. **(Bukti 1: K3 3.4.3.1)**

Pengurusan UCPH sentiasa peka ke atas semua maklum balas dan aduan daripada pelanggan. Berdasarkan laporan kewangan maklumbalas pelanggan pada tahun 2024, didapati tiada sebarang aduan dilaporkan **(Bukti 2: K3 3.4.3.2)**. Laporan ini menunjukkan kepuasan pelanggan telah mencapai 100% seterusnya menunjukkan kecemerlangan operasi kewangan yang diamalkan. Antara medium yang digunakan untuk perbincangan ke atas tindakan yang perlu diambil adalah seperti Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD).

Hasil perbincangan daripada mesyuarat dikongsi kepada warga. Maklumat berkaitan kewangan disampaikan oleh JBend menerusi Taklimat Kewangan. Antara taklimat yang telah diadakan seperti Taklimat Pengurusan Kewangan Aktiviti Pelajar dan Taklimat Tatacara Kewangan Menggunakan Geran Penyelidikan. **(Bukti 3: K3 3.4.3.3)**

Selain itu, maklum balas pelanggan luaran seperti vendor juga amat dititikberatkan dalam memastikan pengurusan operasi kewangan dapat berjalan dengan lancar. Proses pelawaan Iklan Sebutharga/Tender kepada vendor dilakukan atas talian. Bagi vendor berdaftar, pelawaan iklan Sebutharga/Tender akan diterima melalui notifikasi email manakala bagi vendor tidak berdaftar, pelawaan Sebutharga/Tender boleh didapati di laman web JBend atau Facebook. **(Bukti 4: K3 3.4.3.4)**

Pengurusan UCPH menekankan tindakan responsif, telus dan sistematik terhadap maklum balas pelanggan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kepuasan pelanggan, malah menjamin kelancaran operasi kewangan serta mengekalkan imej organisasi yang cemerlang.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_T01_TB04_TC03_20251_Bukti 1 K3 3.4.3.1.pdf](#)
2. [K0061_T01_TB04_TC03_20252_Bukti 2 K3 3.4.3.2.pdf](#)
3. [K0061_T01_TB04_TC03_20253_Bukti 3 K3 3.4.3.3.pdf](#)
4. [K0061_T01_TB04_TC03_20254_Bukti 4 K3 3.4.3.4.pdf](#)
5. [K0061_T01_TB04_TC03_20255_Bukti 4 K3 3.4.3.4.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Antara keberkesanan tindakan terhadap maklum balas pelanggan adalah peningkatan kecekapan pengurusan kewangan serta pengukuhan hubungan antara UCPh dengan pelanggan. JBend telah membangunkan beberapa inovasi bagi meningkatkan kepuasan hati pelanggan dalam proses operasi pengurusan kewangan. **(Bukti 1: K3 3.5.1)**

Salah satu inovasi digital berimpak tinggi adalah **e-Rental UCPh** yang dibangunkan bagi memudahkan pihak luar mengakses maklumat berkaitan kemudahan, ruang dan peralatan yang boleh disewa di dalam kampus. Melalui platform ini, pengguna memperolehi maklumat lengkap seperti fasiliti yang tersedia, kadar sewa dan maklumat pegawai yang boleh dihubungi. Inisiatif ini telah meningkatkan kecekapan proses operasi penyewaan secara dalam talian. Penggunaan e-Rental turut membuka peluang kepada komuniti, agensi dan industri untuk menggunakan kemudahan di dalam universiti seterusnya menjana pendapatan berjumlah RM1,963,747.10 melalui hasil sewaan pada tahun 2024. **(Bukti 2: K3 3.5.2)**

Seterusnya, inovasi digital yang mesra pelanggan; **Laman Web Rasmi JBend UCPh** telah dibangunkan bagi mempertingkatkan kecekapan penyampaian maklumat serta memudahkan akses kepada perkhidmatan kewangan. Laman ini membolehkan pelanggan mengakses pelbagai maklumat penting berkaitan khidmat kewangan, direktori komunikasi dan akses kepada makluman terkini JBend. **(Bukti 3: K3 3.5.3)**

Terdapat juga inovasi yang diwujudkan bagi memudahkan pengurusan sumbangan dalam program seperti **MyKomuniti STEM** anjuran KPPIM. Inovasi ini merupakan inisiatif pendidikan yang bersifat komuniti dengan objektif meningkatkan minat dan kefahaman pelajar sekolah terhadap STEM. Melalui MyKomuniti STEM, program interaktif pembelajaran matematik bersama pelajar Sekolah Menengah di peringkat daerah Maran, iaitu Matemadesa 2024 dianjurkan bersama Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) dan Universiti Malaysia Pahang Sultan Abdullah (UMPSA). Dana sebanyak RM20,000 ditaja oleh PERSAMA dan disalurkan kepada Tabung Amanah Fakulti (TAF). Aktiviti sebegini mencerminkan komitmen UCPh dalam memperkukuh jalinan hubungan sambil menyebarkan luas pendidikan STEM kepada masyarakat luar bandar. **(Bukti 4: K3 3.5.4)**

Inovasi turut **dibudayakan sehingga peringkat UiTM** iaitu **e-LogBook** yang dibangunkan oleh KIK Civil Engineering Teaching Expert (CivTEX), Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam (PPKA) sebagai alat digital untuk merekod aktiviti latihan industri pelajar bagi kod kursus ECM377 tanpa menggunakan buku. Inovasi ini membolehkan pelajar mencatat tugas harian, kehadiran, refleksi mingguan, mendapat pengesahan daripada penyelia industri secara tersusun serta memudahkan pensyarah penyelia membuat pemantauan dan penilaian secara berkala. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan dokumentasi pelajar, malah memperkukuh hubungan dengan pihak industri yang dapat menilai prestasi pelajar secara lebih sistematik dan telus. Penggunaan e-LogBook ini telah digunakan secara meluas di peringkat UiTM oleh kesemua kampus yang menawarkan program Kejuruteraan Awam. **(Bukti 5: K3 3.5.5)**

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_T01_TB05_20251_BUKTI 1 K3 3.5.1.pdf](#)
2. [K0061_T01_TB05_20252_BUKTI 2 K3 3.5.2.pdf](#)
3. [K0061_T01_TB05_20253_BUKTI 3 K3 3.5.3.pdf](#)

4. [K0061_T01_TB05_20254_BUKTI 4 K3 3.5.4.pdf](#)
5. [K0061_T01_TB05_20255_BUKTI 5 K3 3.5.5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan pengukuran pencapaian Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang (UCPh) dibuat berpandukan Objektif Strategik UCPh 2024 yang telah digubal berdasarkan RMKe-12 bagi memastikan data yang tepat dipilih, dikumpul, disejajar dan diintegrasikan dengan proses pembuatan keputusan kampus dalam meningkatkan prestasi khususnya dalam pengurusan kewangan. Objektif strategik UCPh yang telah dirangka; 1). pemantapan tadbir urus kewangan, 2) lonjakan hasil penjanaan sumber, produk and agro UCPh, 3) strategi pengoptimuman sumber dan penjimatan kos dan 4) lonjakan petunjuk prestasi kewangan. Mekanisma pengukuran yang berpandukan **Teras Strategi T.A.H.A.N** digunakan bagi menilai pencapaian bidang tumpuan.

Dalam memastikan pengurusan kewangan yang mantap, setiap Pusat Bertanggungjawab (PTj) merancang segala aktiviti bagi mencapai objektif strategik melalui mesyuarat di peringkat jabatan. Pihak PTj seterusnya membuat semakan, perbandingan dan penilaian dengan sasaran dari masa ke semasa untuk memastikan semua objektif strategik dicapai. Setelah itu, tindakan penambahbaikan prestasi dicadangkan dengan mengambilkira elemen inovasi.

Pelaksanaan penilaian pengurusan kewangan adalah berdasarkan data-data yang dikumpul dan dianalisa mengikut tempoh yang tertentu. Data-data yang diukur adalah berdasarkan sasaran yang ditetapkan dan dibentangkan dalam mesyuarat dan bengkel. UCPh telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam pengurusan kewangan bagi memastikan pencapaian yang cemerlang termasuk mengadakan beberapa kolaborasi *Memorandum of Understanding* (MOU) bersama pihak industri bagi memastikan sasaran penjimatan tercapai. Malah, kepakaran yang dimiliki memberi manfaat kepada warga UCPh dan komuniti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

UCPh telah menggunakan pelbagai mekanisma untuk tujuan **pemantauan** semasa melaksanakan strategi yang telah dirancang supaya dapat membuat kajian semula sekiranya sasaran tidak dicapai. Penggunaan teknologi turut dimanfaatkan sebagai mekanisma pemantauan supaya hasilnya diambil dan dibuat kajian semula sebagai tindakan penambahbaikan. Risiko dan puncanya diambil kira, untuk memudahkan perancangan tindakan pencegahan yang secara tidak langsung menghasilkan penambahbaikan.

Proses penambahbaikan dilaksanakan dengan membuat kajian semula. Penambahbaikan yang terhasil dikongsi dengan warga UCPh supaya memberi manfaat dan impak kepada kampus. Hasil penambahbaikan menjadi amalan dan budaya kampus yang memberi manfaat untuk pemantapan tadbir urus, penjanaan pendapatan, penjimatan, seterusnya pencapaian yang luar biasa melalui penghasilan inovasi.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan kewangan dinilai dan dipantau menggunakan data-data setiap item ukuran yang menjadi input penting kepada pihak pengurusan. Berpandukan kepada **Pelan Strategik UiTM 2025**, UCPH mensasarkan pencapaian bertunjangkan **empat (4) Objektif Strategik** iaitu pemantapan tadbir urus kewangan, lonjakan hasil penjanaaan sumber, produk dan agro, strategi pengoptimuman sumber dan penjimatan kos serta lonjakan petunjuk prestasi kewangan. (**Bukti 1: K4 4.2.1**) menunjukkan mekanisma pengukuran yang digunakan bagi menilai pencapaian bidang tumpuan.

Dalam mencapai objektif strategik, perancangan secara sistematik berdasarkan **Strategi T.A.H.A.N**, iaitu tadbir, amanah, hasil, akauntabiliti dan nilai tambah telah dilakukan. Perancangan juga memberikan penekanan kepada tadbir urus kewangan yang cekap, amanah dan berintegriti. **Strategi T.A.H.A.N** memberi tumpuan kepada tiga (3) inisiatif strategi iaitu inisiatif penjanaaan hasil, penjimatan dan penunjuk prestasi. Justeru, bagi tujuan pengukuran bidang tumpuan, data yang tepat dikumpul, dipilih, disejajar dan diintegrasikan mengikut hala tuju berlandaskan objektif strategik UCPH.

Dalam memastikan pencapaian inisiatif strategi penjanaaan hasil, data-data diukur melalui penjanaaan pendapatan hasil oleh jabatan. Setiap jabatan membuat perancangan projek penjanaaan pendapatan di awal tahun dan menjadikan ia salah satu agenda penting di dalam mesyuarat jabatan (**Bukti 2: K4 4.2.2**). Selain itu, ia juga diukur melalui hasil dapatan audit kewangan dan piagam pelanggan.

Manakala bagi inisiatif strategi penjimatan, data penjimatan digunakan sebagai item ukuran bagi memastikan pengurusan kewangan yang efektif. UCPH merancang pengurusan kewangan yang efektif melalui pengurangan pembaziran, pelaksanaan pemantauan bajet berfokus kepada penjimatan kos dan memperkukuhkan kedudukan kewangan secara lestari.

Inisiatif strategik bagi petunjuk prestasi (PI), terdiri daripada dua (2) PI berkaitan pengurusan kewangan iaitu, PI128: Penjanaaan Pendapatan melalui Kumpulan Wang Pengurusan (KWP) yang mensasarkan pendapatan sebanyak RM270,000.00 dan PI129 : Penjanaaan Pendapatan melalui Kumpulan Wang Amanah (KWA) yang mensasarkan pendapatan sebanyak RM1,850,000.00. (**Bukti 3: K4 4.2.3**)

Seterusnya, pihak PSTU mengadakan Bengkel Perancangan Strategik melibatkan semua ketua PTJ bagi membincangkan strategi mencapai sasaran PI. Dalam memastikan PI dicapai dari masa ke semasa, pihak PSTU membuat perancangan Mesyuarat Pembentangan Prestasi (MePP) Sukuan. Semasa MePP, perbandingan data pencapaian dibentangkan oleh PTJ. Selain itu, PTJ membentangkan pencapaian PI bagi melihat perbandingan di antara data sasaran dan pencapaian sebenar (**Bukti 4: K4 4.2.4**).

Setelah perbandingan dan penilaian data dijalankan, tindakan **penambahbaikan** prestasi beserta **elemen inovasi** dicadangkan untuk mencapai sasaran PI. Terdapat dua projek **inovasi** telah terhasil bagi penambahbaikan pengurusan kewangan yang mampan iaitu; Tube Well (TW) dan Energy Management Analysis Reporting System (E-MARS). Projek TW dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF). Penjimatan berlaku apabila proses penyiraman landskap

menggunakan air buwan tanah. Projek ini ~~menyertai~~ kepada warga UKM melalui ~~UKM HUB~~ (**Bukti 5: K4 4.2.5a**). Manakala Projek E-MARS adalah pemantauan penggunaan elektrik di dalam kampus menggunakan sistem pemantauan (**Bukti 5: K4 4.2.5b**). Projek ini merupakan kerjasama dengan syarikat MyCES Sdn.Bhd.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_A01_AB02_20251_Bukti 1 K4 4.2.1.pdf](#)
2. [K0061_A01_AB02_20252_Bukti 2 K4 4.2.2.pdf](#)
3. [K0061_A01_AB02_20253_Bukti 3 K4 4.2.3.pdf](#)
4. [K0061_A01_AB02_20254_Bukti 4 K4 4.2.4.pdf](#)
5. [K0061_A01_AB02_20255_Bukti 5 K4 4.2.5.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengukuran terhadap keberkesanan pengurusan kewangan dibuat berdasarkan item ukuran yang dikenalpasti berpandukan **Objektif Strategik UCPH 2024** dan melalui pelaksanaan teras **Strategi T.A.H.A.N**. Setiap teras diukur berdasarkan item ukuran yang tertentu dan melalui data- data yang mempunyai sasaran pencapaian yang telah ditetapkan. Data-data yang diperoleh berdasarkan item ukuran tersebut dikumpul dan dianalisa dengan menggunakan kaedah pelaporan dan perbandingan. Ke kerapannya pengumpulan setiap data juga disertakan bagi menilai keberkesanan setiap program dan aktiviti yang dijalankan (**Bukti 1: K4 4.3.1**).

Bukti 2: K4 4.3.2a menunjukkan sasaran pencapaian bagi setiap data yang diukur dalam UCPH. Bagi indikator hasil dapatan audit, sasaran pencapaian adalah melebihi 90%, yang mencerminkan tahap pematuhan dan kecekapan pengurusan kewangan serta kawalan dalaman organisasi. Seterusnya, indikator piagam pelanggan menasaskan sekurang-kurangnya 80% bayaran diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari, menunjukkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan keutamaan terhadap kepuasan pelanggan. Penjana hasil pula disasarkan melalui dua (2) komponen iaitu jumlah hasil Kumpulan Wang Pengurusan (KWP) sebanyak RM270,000.00 dan hasil Kumpulan Wang Amanah (KWA) sebanyak RM1,850,000.00, yang menunjukkan keupayaan UCPH menjana pendapatan secara berkesan dan mampan. Indikator penjimatan menetapkan matlamat untuk mencapai penjimatan kewangan sebanyak RM1,014,199.12, menunjukkan inisiatif pengoptimuman sumber dan peningkatan kecekapan operasi. Pencapaian PI memberi fokus kepada dua (2) petunjuk utama iaitu PI128 (hasil KWP) dan PI129 (hasil KWA) sebagai ukuran UCPH berjaya mencapai sasaran prestasi yang telah ditetapkan. Terdapat juga senarai PI lain yang menjadi sasaran kepada bidang tumpuan, ditunjukkan dalam **Bukti 2: K4 4.3.2b**. Keseluruhannya, sasaran ini berfungsi sebagai penanda aras dalam menilai prestasi kewangan dan keberkesanan operasi UCPH.

Pelbagai inisiatif dijalankan oleh UCPH bagi mencapai penjana hasil yang maksima, penjimatan kos dan pencapaian PI yang ditetapkan. Sebagai contoh, JBend telah menerima Anugerah Pencapaian Prestasi Bayaran Cemerlang (**Bukti 3: K4 4.3.3a**) atas tahap kecekapan yang tinggi dalam pengurusan aliran tunai dan pelaksanaan bayaran yang tepat pada masanya. Pengiktirafan ini menunjukkan keberkesanan sistem dan prosedur dalaman yang sentiasa ditambah baik secara berterusan serta selari dengan piagam pelanggan yang telah ditetapkan. Pelaporan bagi prestasi bayaran secara bulanan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (MJPKA) yang diadakan 4 kali setahun. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 3,375 baucer pembayaran diproses dan 3,356 baucer (99.4%) berjaya dijelaskan dalam tempoh tujuh hari (**Bukti 3: K4 4.3.3b**).

Selain itu, JBend telah terbukti melaksanakan tadbir urus kewangan yang mantap apabila berjaya membangunkan laman web e-Rental untuk memberikan maklumat berkaitan kemudahan, ruang, dan peralatan yang boleh disewa (**Bukti 4: K4 4.3.4**). Proses penyewaan menjadi lebih cepat dengan paparan kadar sewaan serta maklumat pegawai untuk dihubungi. Penggunaan laman web e-Rental **digunakan secara menyeluruh** kepada **semua jabatan** dan turut digunakan oleh **pemegang taruh seperti bakal penyewa di luar UiTM**, seterusnya menyumbang kepada penjana hasil sewaan sebanyak RM635,694.68. Pencapaian cemerlang ini telah membawa UCPH menerima Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjana Pendapatan AKPU pada dua tahun berturut-turut iaitu tahun 2023 dan 2024 (**Bukti 5: K4 4.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_A01_AB03_20251_Bukti 1 K4.4.3.1.pdf](#)
2. [K0061_A01_AB03_20252_Bukti 2 K4.4.3.2.pdf](#)
3. [K0061_A01_AB03_20253_Bukti 3 K4.4.3.3.pdf](#)
4. [K0061_A01_AB03_20254_Bukti 4 K4.4.3.4.pdf](#)
5. [K0061_A01_AB03_20255_Bukti 5 K4.4.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan UCPH mengenalpasti pencapaian prestasi dengan memastikan sistem pengukuran yang dibuat meliputi keseluruhan aspek bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan kewangan. Penekanan utama pengurusan kewangan adalah berdasarkan empat (4) **Objektif Strategik**. Di peringkat UCPH, Penyelaras PSTU dipertanggungjawabkan untuk memantau pencapaian dengan dibantu oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP) dan Ketua Bahagian selaku pemilik PI.

Pelbagai mekanisma telah digunakan sebagai alat pemantauan pencapaian prestasi seperti sistem **UiSMS**, **e-Template PSTU (Bukti 1: K4 4.4.1.1)**, dan **Mesyuarat Pembentangan Prestasi (MePP)**. Maklumat perancangan diletakkan di dalam sistem **UiSMS** di awal tahun. Data pencapaian sasaran dilaporkan melalui sistem **e-Template PSTU** setiap bulan oleh pemilik PI. Data dikumpul dan dianalisis untuk mengetahui tahap pencapaian setiap bulan seterusnya dibentangkan di dalam **MePP** sukuan. Hasil analisa data menunjukkan tahap pencapaian sasaran pada setiap sukuan dan dikongsi dengan warga melalui platform **Google Meet (GM)**. Pencapaian belum dicapai juga dibincangkan dan dikaji semula semasa MePP untuk penambahbaikan (**Bukti 2: K4 4.4.1.2**).

Melalui mesyuarat dalaman jabatan, pencapaian PI turut dikongsi dan dibincangkan pelaksanaan hasil kajian semubagi bagi sasaran tidak dicapai. Biro dilantik untuk membantu mencapai PI (**Bukti 3: K4 4.4.1.3**). Dari segi pemantapan tadbir urus kewangan, hasil dapatan audit digunakan untuk melihat tren pencapaian. Dapatan melebihi 90% menunjukkan pemantapan tadbir urus kewangan. Analisa data bagi mengoptimumkan sumber dan penjimatan kos dapat membantu pihak pengurusan mengenalpasti bidang berpotensi untuk penjimatan. Semasa menangani penggunaan utiliti yang meningkat, projek TW (**Bukti 4: K4 4.4.1.4**) dibangunkan oleh staf dan berjaya menyumbang kepada penjimatan air sehingga **5% setahun**.

Hasil penjanaaan yang direkod ke Tabung Amanah Jabatan membolehkan data dipantau untuk **tindakan penambahbaikan** bagi peningkatan hasil dirancang. Pelaksanaan amalan ini dilakukan oleh Unit Pengurusan Ladang (UPL) yang membuat perancangan pembelian baja dan peralatan pertanian setelah melihat jumlah penjanaaan dibentangkan oleh JBend. Seterusnya, perbincangan di dalam mesyuarat fakulti dilakukan dan dibawa ke Mesyuarat Tabung Amanah Ladang untuk kelulusan. (**Bukti 5: K4 4.4.1.5a**). Mekanisme pemantauan dan Kajian Semula yang digunakan termasuk mekanisma dalam talian untuk memacu UCPH ke arah kampus digital dan Industrial Revolution (IR) 4.0. (**Bukti 5: K4 4.4.1.5b**)

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_A01_AB04_AC01_20251_BUKTI 1 K4 4.4.1.1.pdf](#)
2. [K0061_A01_AB04_AC01_20252_BUKTI 2 K4 4.4.1.2.pdf](#)
3. [K0061_A01_AB04_AC01_20253_BUKTI 3 K4 4.4.1.3.pdf](#)
4. [K0061_A01_AB04_AC01_20254_BUKTI 4 K44.4.1.4.pdf](#)
5. [K0061_A01_AB04_AC01_20255_BUKTI 5 K4 4.4.1.5.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UCPh melantik seorang Penyelaras Pengurusan Risiko untuk memantau risiko yang telah didaftarkan (**Bukti 1: K4 4.4.2.1**). Risiko pengukuran analisa dikenalpasti melalui risiko yang didaftarkan oleh PTj (**Bukti 2: K4 4.4.2.2**). Seorang biro pengurusan risiko dilantik di setiap jabatan. mengenalpasti punca risiko dan tindakan pencegahan juga dilaporkan. Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (MJPR) yang diadakan sekali setahun membincangkan risiko yang didaftarkan (**Bukti 3: K4 4.4.2.3**). Sekiranya risiko tidak dapat diatasi di peringkat UCPH, ia akan dibawa ke pengurusan risiko induk di UiTM Shah Alam. Risiko yang didaftarkan juga perlu dikemaskini dari masa ke semasa. Pada tahun 2024, sebanyak tiga puluh satu (31) risiko telah didaftarkan dan satu risiko adalah berkaitan dengan pengurusan kewangan.

Di peringkat jabatan, biro pengurusan risiko berbincang dengan KPP atau ketua jabatan berkenaan dengan risiko dan punca risiko masing-masing sebelum didaftarkan. Risiko yang didaftarkan adalah hasil daripada pemerhatian dan mesyuarat post mortem yang diadakan selepas program selesai dilaksanakan (**Bukti 4: K4 4.4.2.4**). Dalam mesyuarat post mortem, kajian semula dilakukan untuk memastikan pada masa hadapan, risiko dapat dielakkan dan dikurangkan dengan menyediakan rancangan pengawalan dan pencegahan, secara tidak langsung pelaksanaan ini akan membawa kepada **penambahbaikan**. Dalam pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan di UCPH, beberapa risiko, telah dikenalpasti punca, tindakan kawalan dan tindakan pencegahannya serta beberapa elemen penambahbaikan yang terhasil. (**Bukti 5: K4 4.4.2.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_A01_AB04_AC02_20251_BUKTI 1 K4 4.4.2.1.pdf](#)
2. [K0061_A01_AB04_AC02_20252_BUKTI 2 K4 4.4.2.2.pdf](#)
3. [K0061_A01_AB04_AC02_20253_BUKTI 3 K4 4.4.2.3.pdf](#)
4. [K0061_A01_AB04_AC02_20254_BUKTI 4 K4 4.4.2.4.pdf](#)
5. [K0061_A01_AB04_AC02_20255_BUKTI 5 K4 4.4.2.5.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UCPh menganalisa hasil tindakan untuk penambahbaikan dalam pengurusan kewangan bagi memastikan kecekapan, ketelusan, dan kepatuhan dalam proses operasi. Proses Analisa Hasil untuk Penambahbaikan ini melibatkan beberapa langkah utama bermula dengan laporan data sehingga tindakan pembetulan dan penambahbaikan (**Bukti 1: K4 4.4.3.1**).

Dalam usaha untuk membuat penambahbaikan, pengumpulan data dan laporan khususnya laporan kewangan dilakukan penilaian prestasi secara sukuan meliputi hasil penjanaan, perbelanjaan, data dapatan audit dan maklumbalas pemegang taruh. Seterusnya perbandingan data dibuat dengan belanjawan yang telah dikongsi, data tahun sebelum dan data pencapaian UiTM cawangan lain. Sekiranya sasaran tidak dicapai, punca perlu dikenalpasti. Hasil dapatan dilaporkan kepada Pengurusan Kanan dikongsi kepada semua staf untuk diambil tindakan dan kajian semula (**Bukti 2: K4 4.4.3.2**). Hasil analisa kajian semula digunakan untuk membuat penambahbaikan berterusan. Contohnya melalui Mesyuarat Pengurusan Dalam (MPD) dibincangkan isu kecekapan operasi penyaluran maklumat kewangan.

Sebagai langkah penambahbaikan, JBend mengambil peluang daripada kecanggihan teknologi dengan membangunkan sistem **e-daftar lejer (Bukti 3: K4 4.4.3.3)** dan **dikongsi** dengan semua ketua PTj. Sistem ini berupaya memberikan maklumat kewangan tabung amanah yang terkini, dikemaskini secara automatik, seterusnya membolehkan kelulusan dan keputusan dibuat semasa mesyuarat dengan lebih cepat dan berkesan. Penggunaan sistem ini juga telah berjaya membudayakan amalan akauntabiliti di kalangan warga UCPh. Manakala, dalam memastikan sasaran penjanaan pendapatan dicapai, cadangan semasa pembentangan prestasi dikaji semula untuk memastikan pelaksanaan terbaik diambil. Contohnya dalam usaha memantapkan operasi, meningkatkan penjanaan agro, dan pada masa yang sama menyumbang kepada kecekapan dan penjimatan kos, UPL mengambil langkah proaktif menghasilkan inovasi iaitu **alat flexiF Tool (Bukti 4: K4 4.4.3.4)**. Penggunaan alat ini turut **dikongsi** dengan staf akademik dan pelajar sebagai latihan untuk diperluaskan penggunaannya di ladang tanaman nanas, *rock melon* dan tanaman lain. (**Bukti 5: K4 4.4.3.5**)

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_A01_AB04_AC03_20251_BUKTI 1 K4 4.4.3.1.pdf](#)
2. [K0061_A01_AB04_AC03_20252_BUKTI 2 K4 4.4.3.2.pdf](#)
3. [K0061_A01_AB04_AC03_20253_BUKTI 3 K4 4.4.3.3.pdf](#)
4. [K0061_A01_AB04_AC03_20254_BUKTI 4 K4 4.4.3.4.pdf](#)
5. [K0061_A01_AB04_AC03_20255_BUKTI 5 K4 4.4.3.5.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberkesanan tindakan bagi pengurusan kewangan di UCPH tidak hanya diukur melalui angka dan laporan semata-mata, tetapi juga melalui **tahap pembudayaan** yang terhasil dalam kalangan warganya. Pembudayaan ini mencerminkan perubahan sikap, nilai, dan amalan yang mendalam, seterusnya menyumbang kepada tadbir urus kewangan yang lebih mantap dan lestari. Proses perbandingan dan analisis varians menyumbang kepada penemuan penambahbaikan berterusan dan **penciptaan inovasi (Bukti 1: K4 4.5.1)**.

Penciptaan inovasi memberi nilai tambah dan peningkatan pencapaian khususnya dalam menguruskan kewangan. Dalam membudayakan amalan terbaik dan penciptaan inovasi, pelbagai program berbentuk peningkatan kemahiran, pengetahuan dan **perkongsian pengalaman telah disertai dan dianjurkan oleh UCPH di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Bukti 2: K4 4.5.2)**. Antaranya adalah sistem Accounting for Business (AC BIZZ) **(Bukti 3: K4 4.5.3)** yang telah **dikongsi di luar UCPH** iaitu usahawan asnaf sekitar Kawasan Jengka untuk membantu mereka menguruskan kewangan perniagaan **(Bukti 4: K4 4.5.4)**. Sistem ini juga telah mendapat pengiktirafan Pingat Perak di peringkat antarabangsa di dalam pertandingan Innovation Excellence Venture (INNOVEX 2024). Manakala Sistem e-Rental turut dikongsi dan diguna pakai bersama pemegang taruh dan semua pengguna perkhidmatan yang berpotensi untuk menyewa ruang dan peralatan dengan meletakkan pautan Laman web e-Rental yang boleh diakses secara terbuka **(Bukti 5: K4 4.5.5)**. Penggunaan sistem ini membolehkan aktiviti penjanaan pendapatan melalui sewaan ruang/peralatan dilaksanakan dengan lebih berkesan dan meluas.

Secara kesimpulannya, untuk mencapai prestasi cemerlang, perancangan yang strategik dan teratur adalah penting dalam sesebuah organisasi. Pelaksanaan yang disusuli pemantauan akan memudahkan pengenalpastian tahap pencapaian, membolehkan penambahbaikan dilakukan secara berterusan dan amalan terbaik dibudayakan di UiTM khususnya UCPH.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_A01_AB05_20251_BUKTI 1 K4 4.5.1.pdf](#)
2. [K0061_A01_AB05_20252_BUKTI 2 K4 4.5.2.pdf](#)
3. [K0061_A01_AB05_20253_BUKTI 3 K4 4.5.3.pdf](#)
4. [K0061_A01_AB05_20254_BUKTI 4 K4 4.5.4.pdf](#)
5. [K0061_A01_AB05_20255_BUKTI 5 K4 4.5.5.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM Cawangan Pahang (UCPh) menekankan pengurusan kewangan yang cekap dengan penglibatan aktif semua bahagian bagi mendokong Kelestarian Kewangan selaras Pelan Strategik UiTM 2025. Seramai **781** staf digerakkan untuk mencapai empat (4) objektif strategik utama. Latihan, penstrukturan staf dan inovasi seperti **Elektronik-Pra Penilaian Kertas Soalan Peperiksaan (ePPKSP)** menyumbang kepada penjimatan besar serta peningkatan kecekapan. Jabatan Bendahari (JBend) turut menubuhkan jawatankuasa khas latihan. Kepakaran akademik turut dimanfaatkan melalui penganjuran program berimpak tinggi bagi memperkukuh tadbir urus kewangan universiti.

Warga UCPh sentiasa berusaha menambah ilmu dan kemahiran bagi mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia. Setiap staf memainkan peranan mengikut bidang kepakaran bagi menjayakan bidang tumpuan pilihan. Antara pencapaian utama ialah penjanaan hasil **produk perkayuan** bernilai **RM35,421.01** dan **Unit Perusahaan Ladang (UPL)** menghasilkan sebanyak **RM432,516.90** sehingga 31 Disember 2024. Kejayaan ini membuktikan keupayaan UCPh melaksanakan projek berimpak tinggi dan menjana pendapatan berterusan untuk universiti.

Institut Pengajian Tinggi (IPT) berperanan menyediakan akses pendidikan tinggi dan melahirkan graduan holistik. UCPh komited meningkatkan kepuasan staf akademik dan bukan akademik melalui persekitaran kerja yang kondusif. Faktor seperti pencahayaan, susun atur dan perabot mempengaruhi kesejahteraan staf. Kajian menunjukkan **Indeks Kegembiraan Staf UCPh** berada pada tahap tinggi iaitu **74.87%**, dengan majoriti staf berpuas hati terhadap persekitaran kerja. Pengurusan tertinggi sentiasa prihatin terhadap suara warga UCPh demi pembangunan berterusan institusi.

UCPh melaksanakan pengurusan risiko sumber manusia secara sistematik melalui penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Daftar Risiko di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj). Antara risiko utama yang dikenal pasti termasuk peruntukan belanjawan tidak mencukupi, penyertaan program tidak mencapai sasaran, dan penyalahgunaan dana. Langkah pencegahan termasuk anggaran kos realistik, penggunaan Tabung Amanah Fakulti (TAF), penilaian risiko awal, serta audit dan pemantauan dalaman. Usaha ini memastikan kelancaran pelaksanaan program fakulti, mengurangkan kebergantungan dana pengurusan, dan mengukuhkan integriti serta tadbir urus kewangan UCPh.

Pelaburan dalam digitalisasi seperti Aplikasi **UiTM Raub Click (UraC)** merupakan sebuah aplikasi mudah alih yang dibangunkan untuk warga UCPh bagi memperkasakan budaya digital dalam kalangan warga kampus dan *pemegang taruh*. Aplikasi ini berperanan sebagai platform penyampaian maklumat yang efisien dan mesra pengguna. Selain itu, latihan berimpak tinggi seperti bengkel anjuran Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM) memperkasa kompetensi staf. Pengurusan bajet yang cekap juga membolehkan insentif dan kebajikan disediakan, sekaligus membentuk budaya kerja positif, menyokong keseimbangan kerja kehidupan dan memupuk semangat setiakawan dalam organisasi.

UCPh mengamalkan inovasi melalui kaji semula, pemantauan berterusan dan pengurusan risiko berkesan. Di bawah Objektif Strategik 2, laman web **e-Rental** berjaya menjana

RM635,694.68 melalui sewaan ruang dan **RM9,480.90** bagi peralatan dan kenderaan sehingga 31 Disember 2024. Objektif Strategik 3 pula menumpukan penjimatan kos seperti **Projek Tube Well (TW)** yang menjimatkan **RM778,492**, sistem **Projek Energy Management Analysis Reporting System (E- MARS)** untuk pemantauan tenaga dan inovasi **ePPKSP** yang menjimatkan **72.22%** kos penilaian, serta telah didaftarkan di Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO).

Kejayaan UCPH dalam penjanaaan pendapatan, inovasi, dan pengurusan sumber manusia membuktikan bahawa persekitaran kerja kondusif, latihan berfokus, dan sistem digital yang cekap menyokong pencapaian prestasi (PI) Kumpulan Wang Pengurusan (**PI128**) dan Kumpulan Wang Amanah (**PI129**), sekaligus memperkukuh kelestarian kewangan dan prestasi organisasi.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UCPh menitikberatkan pengurusan kewangan dengan penglibatan menyeluruh semua jabatan. Selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025, UCPH komited mendokong pementapan pengurusan kewangan, penjimatan kos, dan penjanaan. Bagi menyokong usaha ini, pengambilan staf dilaksanakan secara strategik bagi memenuhi keperluan semasa dan mencapai empat (4) **Objektif Strategik**; pementapan tadbir urus, lonjakan hasil, pengoptimuman sumber dan penjimatan kos serta pencapaian prestasi luar biasa.

Seramai **383** orang staf akademik dan **398** orang staf bukan akademik dipertanggungjawabkan untuk menggerakkan pengurusan operasi UCPH. **(Bukti 1: K5 5.2.1a,1b)**.

Komitmen dan penglibatan staf adalah penting bagi memastikan kejayaan pengurusan kewangan. **Bukti 2: K5 5.2.2a** menunjukkan penglibatan staf melalui penyertaan dalam program latihan berkaitan pengurusan kewangan. JBend telah menubuhkan Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf yang bertanggungjawab membantu staf serta menganjurkan latihan yang sesuai untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang kewangan. Fungsi staf akademik juga dimanfaatkan melalui perkongsian ilmu dan pengalaman dalam bidang percukaian dan kewangan untuk membantu staf UCPH lain tanpa perlu merujuk jabatan luar, termasuk melalui penganjuran Program *Faculty of Accountancy (FOA) Market Place*, Program Khidmat Masyarakat Pengisian Borang Cukai, dan Webinar Percukaian. **(Bukti 2: K5 5.2.2b&2c)**.

Penyertaan staf dalam aktiviti perundingan, pelantikan sebagai panel penilai, serta kolaborasi bersama komuniti secara tidak langsung memberi sumbangan kepada pembangunan dasar pendidikan negara. Peranan ini mencerminkan penglibatan aktif staf dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan inisiatif organisasi dan penambahbaikan berterusan, contohnya melalui pemeteraian MoU dan MoA dengan rakan strategik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. **(Bukti 3: K5 5.2.3a & 3b)**. Penglibatan staf dalam Program Khidmat Sosial Universiti (USR) dan Pemandahan Ilmu (KTP) mencerminkan keberkesanan pengurusan UCPH dalam melaksanakan aktiviti berimpak tinggi. UCPH pengiktirafan pencapaian 3 Bintang, menunjukkan prestasi yang memuaskan dan komitmen universiti terhadap pemindahan ilmu serta khidmat masyarakat. **(Bukti 3: K5 5.2.3c)**

Bagi memantapkan pengurusan kewangan, JBend telah membangunkan inovasi digital seperti sistem e-Rental, e-Daftar Lejer Tabung Amanah, dan e-Daftar Vot Aktiviti Pelajar, yang digunakan untuk memudahkan pengurusan kewangan serta meningkatkan kecekapan operasi. Sistem- sistem ini telah digunapakai secara menyeluruh di semua jabatan di UCPH. **(Bukti 4: K5 5.2.4a)**

Selain itu, Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam (PPKA) juga berjaya menghasilkan inovasi; **ePPKSP** dan menjimatkan kos 72.22%. Melalui pelaksanaan inovasi ini, jumlah kos RM2520 berjaya dijamin kepada RM748. Inovasi ini juga didaftarkan di MyIPO **(Bukti 4: K5 5.2.4b)**.

Oleh yang demikian, Bagi tahun 2024, UCPH sekali lagi berjaya meraih **Anugerah Cemerlang Laporan Prestasi Bayaran** hasil pematuhan terhadap tempoh penyempurnaan bayaran yang

telah ditetapkan. Pencapaian ini membuktikan bahawa kecukupan operasi dapat dicapai melalui penglibatan staf yang terlatih. Hasil staf yang komited di JBend, **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjanaaan Pendapatan (AKPU) berjaya** diperoleh dua tahun berturut-turut. (*Bukti 5: K5 5.2.5*).

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_S01_SB02_20251_4. BUKTI 1 K5 5.2.1.pdf](#)
2. [K0061_S01_SB02_20252_4. BUKTI 2 K5 5.2.2.pdf](#)
3. [K0061_S01_SB02_20253_4. BUKTI 3 K5 5.2.3.pdf](#)
4. [K0061_S01_SB02_20254_4. BUKTI 4 K5 5.2.4.pdf](#)
5. [K0061_S01_SB02_20255_4. BUKTI 5 K5 5.2.5.pdf](#)
6. [K0061_S01_SB02_20251_4. BUKTI 1 K5 5.2.1.pdf](#)
7. [K0061_S01_SB02_20252_4. BUKTI 2 K5 5.2.2.pdf](#)
8. [K0061_S01_SB02_20253_4. BUKTI 3 K5 5.2.3.pdf](#)
9. [K0061_S01_SB02_20254_4. BUKTI 4 K5 5.2.4.pdf](#)
10. [K0061_S01_SB02_20255_4. BUKTI 5 K5 5.2.5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Staf sentiasa komited dalam usaha menambah ilmu dan meningkatkan kemahiran bagi mengoptimumkan kepakaran serta pengalaman menguruskan operasi kewangan yang cekap, telus dan mampan. Kepakaran dan pengalaman setiap staf dimanfaatkan secara optimum melalui pelaksanaan tugas yang bersesuaian dengan bidang pengkhususan kepakaran kumpulan staf (**Bukti 1: K5 5.3.1**). UCPH turut menyokong penglibatan staf menggunakan kepakaran di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. (**Bukti 2: K5 5.3.2**)

Di samping penyediaan persekitaran kerja yang kondusif, pelbagai pendekatan telah dilaksanakan bagi mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman staf. Pendekatan ini diperincikan dalam **Bukti 3: K5 5.3.3**.

Kepakaran serta pengalaman staf dalam pelbagai bidang telah menyumbang secara signifikan kepada penjanaaan hasil universiti. Pusat Pengajian Industri Perakayuan (PPIP) telah berjaya menjana jumlah pendapatan sebanyak RM35,421.01 melalui penghasilan perabot, gazebo, dan produk perakayuan hiasan berasaskan kayu. Aktiviti ini bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi universiti, tetapi juga memberikan peluang kepada staf dan pelajar untuk mempraktikkan kemahiran teknikal, inovasi, serta pengurusan produksi dalam industri perakayuan.

Kepakaran staf **diperluas** ke peringkat antarabangsa melalui *Program Collaborative Teaching* bagi kod kursus CPPR301 yang dilaksanakan secara atas talian. Program ini melibatkan penyertaan pelajar Semester 4 Diploma Pengurusan Industri Perladangan (AT120) dan pelajar Semester 3 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Ladang (Kepujian) (AT240), Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA). Pensyarah UCPH dan *Ahmadu Bello University* (ABU), Zaria, Kaduna State, Nigeria berkongsi kepakaran dan pengalaman sebenar melalui penyampaian kuliah dalam pengurusan penyakit tanaman secara praktikal dan saintifik.

Kepakaran staf Unit Pengurusan Ladang (UPL) dalam pengurusan tanaman, ternakan, serta ladang telah menyumbang secara signifikan kepada penjanaaan hasil universiti sebanyak RM432,516.90. Selain itu, UPL turut memperkukuhkan pembangunan kompetensi staf dan pelajar melalui latihan, pengurusan ladang yang sistematik, serta pengkongsian pengetahuan dan pengalaman bersama rakan strategik seperti Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV). Pendekatan ini memastikan tenaga kerja berkemahiran, bermotivasi, dan selamat, seterusnya menyokong kelestarian serta pertumbuhan hasil universiti secara berterusan. (**Bukti 4: K5 5.3.4**)

Pencapaian ini membuktikan keupayaan staf dalam melaksanakan projek penjanaaan pendapatan yang telah memberi impak dan hasil sumbangan yang besar kepada UCPH.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_S01_SB03_20251_5. BUKTI 1 K5 5.3.1.pdf](#)
2. [K0061_S01_SB03_20252_5. BUKTI 2 K5 5.3.2.pdf](#)

3. [K0061_S01_SB03_20253_5. BUKTI 3 K5 5.3.3.pdf](#)
4. [K0061_S01_SB03_20254_5. BUKTI 4 K5 5.3.4.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UCPh komited untuk memastikan tahap kepuasan hati staf sentiasa berada pada tahap optimum. Secara keseluruhannya, persekitaran dan sistem kerja menunjukkan pencapaian yang positif berdasarkan maklum balas yang diperoleh melalui kajian kepuasan hati staf, perbincangan dalam mesyuarat dalaman, serta maklum balas yang disalurkan melalui saluran komunikasi formal dan tidak formal.

Persekitaran kerja yang kondusif memainkan peranan penting dalam mempengaruhi prestasi, kepuasan, dan kesihatan staf. UCPH mengambil langkah proaktif dengan memastikan aspek seperti pencahayaan, susun atur ruang, keluasan kawasan dan kemudahan sokongan berada pada tahap baik. Dapatan kajian tahun 2024 menunjukkan Indeks Keseluruhan Kegembiraan Staf UCPH mencapai 75%, melebihi tahap tinggi iaitu 70%. Hasil analisis turut mendapati staf berpuas hati dari aspek infrastruktur, pencapaian, keterlibatan, perhubungan dan emosi positif, sekaligus mencerminkan kesejahteraan dan kepuasan hati staf terhadap persekitaran serta sistem kerja semasa. **(Bukti 1: K5 5.4.1.1).**

Aduan yang diterima kebanyakannya berkaitan dengan kemudahan infrastruktur dan infostruktur yang memberi kesan kepada keberkesanan aliran kerja. Aduan ini disalurkan melalui pelbagai medium seperti SuFO, e-Aduan ICT, e-Aduan Fasiliti, serta pelbagai saluran telekomunikasi termasuk e-mel rasmi, WhatsApp, Telegram dan media sosial. Selain itu, maklum balas turut diperoleh melalui perbincangan jabatan serta sesi libat urus secara berkala. Pihak pengurusan mengambil tindakan susulan dengan melaksanakan penyelenggaraan berjadual, menaik taraf sistem yang mudah digunakan serta mesra pengguna bagi meningkatkan prestasi operasi serta menyediakan khidmat sokongan teknikal yang responsif. Langkah ini memastikan sistem dan persekitaran kerja sentiasa berada pada tahap optimum. Langkah ini diambil bagi memastikan sistem dan persekitaran kerja sentiasa berada pada tahap optimum. **(Bukti 2: K5 5.4.1.2).**

Hasil pemantauan berterusan menunjukkan bahawa staf menghargai keterbukaan pihak pengurusan dalam menerima cadangan penambahbaikan. Mekanisme komunikasi dua hala memberi ruang kepada staf untuk berkongsi pandangan dan pengalaman, sekaligus memperkukuh tahap kepercayaan dan rasa memiliki terhadap organisasi. Rentetan itu, tahap kepuasan serta aduan berkaitan persekitaran dan sistem kerja dalam kalangan staf telah dikenal pasti dan tindakan sewajarnya telah diambil. **(Bukti 3: K5 5.4.1.3).**

Tahap kepuasan hati staf berada pada tahap **baik**, Persekitaran kerja dan sistem yang diamalkan terus dipertingkatkan melalui amalan pemantauan dan penambahbaikan berterusan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_S01_SB04_SC01_20251_6. BUKTI 1 K5 5.4.1.1.pdf](#)
2. [K0061_S01_SB04_SC01_20252_6. BUKTI 2 K5 5.4.1.2.pdf](#)
3. [K0061_S01_SB04_SC01_20253_6. BUKTI 3 K5 5.4.1.3.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UCPh melaksanakan pengurusan risiko sumber manusia melalui proses mengenal pasti, menilai, dan mengurangkan risiko yang boleh menjejaskan organisasi serta kakitangan. Setiap PTJ mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Daftar Risiko yang bertanggungjawab merekod dan memantau risiko dalam Daftar Risiko. Tindakan pencegahan turut dirancang secara proaktif bagi memastikan risiko dapat dikawal. Antara dua (2) risiko utama dalam pengurusan kewangan yang dikenal pasti ialah: **(Bukti 1: K5 5.4.2.1)**

i. Ketidacukupan peruntukan untuk menjalankan operasi

UCPh menghadapi kekurangan dana untuk menampung keperluan operasi harian seperti pembayaran emolumen, penyelenggaraan fasiliti, pelaksanaan aktiviti akademik dan bukan akademik, naik taraf infrastruktur dan infostruktur. Kekangan kewangan menjejaskan kelancaran operasi dan memberi kesan kepada motivasi dan kesejahteraan staf. Aktiviti P&P juga memerlukan sokongan peralatan dan capaian internet yang stabil bagi menjamin keberkesanan penyampaian dan kelancaran pembelajaran. **(Bukti 1: K5 5.4.2.1)**

UCPh memberi keutamaan perbelanjaan kepada aspek kritikal seperti P&P, penyelenggaraan fasiliti asas, dan sokongan operasi utama. Tabung Amanah Fakulti (TAF) diwujudkan sebagai mekanisme untuk mengurus, menjana, dan menyalurkan kewangan bagi aktiviti/program fakulti. Sebagai contoh, PPIP berjaya menjana RM35,421.01 melalui penghasilan perabot, gazebo, dan produk perkayuan hiasan, manakala penganjuran Virtual International Breakthrough Invention, Innovation & Design Exhibition (VI-BIIDE) 2024 turut menjana pendapatan sebanyak RM12,532.44 bagi menyokong kewangan UCPh. Kejayaan penjana hasil ini menyumbang secara langsung kepada pencapaian PI128 dan PI129 menunjukkan peranan aktif staf UCPh dalam memastikan kelestarian kewangan universiti serta pengurusan yang cekap, inovatif, dan berdedikasi. **(Bukti 2: K5 5.4.2.2)**

ii. Ketirisan kewangan dan salah guna peruntukan

Ketirisan kewangan dan salah guna peruntukan merupakan risiko yang timbul akibat kelemahan pemantauan bajet, ketiadaan semakan dalaman, atau penyalahgunaan dana, yang boleh menjejaskan operasi serta integriti organisasi. UCPh menangani risiko ini melalui semakan berkala, audit dalaman dan luaran, penggunaan sistem kewangan digital bersepadu seperti e-Daftar Lejer Tabung Amanah dan e-Daftar Lejer Vot Aktiviti Pelajar, serta pengagihan tugas yang jelas bagi mengelakkan pertindihan dan salah guna kuasa. Latihan kesedaran integriti dan tatakelola kewangan diberikan kepada staf untuk memastikan kepatuhan prosedur. Di peringkat fakulti, Jawatankuasa Penilaian Fakulti, contohnya di FPA, ditubuhkan bagi menilai perbelanjaan, memantau penggunaan bajet, dan memastikan kepatuhan prosedur, sekali gus mengurangkan risiko kelewatan bajet dan ketidakpatuhan. **(Bukti 3: K5 5.4.2.3)**

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_S01_SB04_SC02_20251_7. BUKTI 1 K5 5.4.2.1.pdf](#)
2. [K0061_S01_SB04_SC02_20252_7. BUKTI 2 K5 5.4.2.2.pdf](#)
3. [K0061_S01_SB04_SC02_20253_7. BUKTI 3 K5 5.4.2.3.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif, UCPH melaksanakan pemantauan berterusan terhadap ruang kerja, infrastruktur, dan infostruktur. Penambahbaikan dilakukan melalui penyelenggaraan berkala, penyediaan fasiliti selesa, serta pematuhan garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Maklum balas staf dijadikan asas penambahbaikan melalui saluran komunikasi formal dan tidak formal, termasuk mesyuarat, borang aduan, sistem e-aduan, sesi town hall, dialog staf, taklimat, dan webinar. Setiap maklum balas dianalisis bagi mengenal pasti punca, tahap keutamaan, serta kaedah penyelesaian yang sesuai. Hasil analisis dikongsikan dengan seluruh warga melalui **sesi Town Hall Rektor Bersama Warga (Bukti 1: K5 5.4.3.1)**.

Antara medium lain untuk perkongsian penambahbaikan ialah pekeliling dalaman, mesyuarat jabatan, papan kenyataan, serta saluran komunikasi digital seperti **Aplikasi UiTM Raub Click (URaC)**, yang dibangunkan oleh staf bagi menyokong aspirasi digitalisasi UCPH secara berkesan dan berimpak tinggi (**Bukti 2: K5 5.4.3.2**).

UCPH turut mengenal pasti kemudahan infrastruktur dan infostruktur yang sesuai untuk disewakan bagi meningkatkan penjanaan pendapatan. Bagi memudahkan pelanggan yang berminat, sistem e-Rental dibangunkan bagi menyediakan maklumat lengkap serta memudahkan urusan penyewaan dengan lebih efisien. Hasil sewaan ruang dan peralatan di kampus merupakan salah satu penyumbang kepada penjanaan pendapatan UCPH.

Dalam aspek kebajikan staf, UCPH menekankan insentif kewangan dan sokongan kebajikan, sesi motivasi, sumbangan khas, program keseimbangan kerja-kehidupan, serta penghargaan kepada staf cemerlang. Contoh penghargaan termasuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Anugerah Kategori Pusat Pengajian (AKPP), dan Anugerah Akademik UiTM Pahang (AAUPh). Langkah ini meningkatkan kepuasan kerja, memperkukuh budaya penghargaan, serta menggalakkan semangat kerja berpasukan (**Bukti 3: K5 5.4.3.3**).

Berdasarkan maklum balas keperluan latihan staf, UCPH menganjurkan latihan insaniah, teknikal, kepimpinan, dan pembangunan kerjaya. KPPIM telah berjaya menganjurkan 14 bengkel dan latihan bagi memenuhi keperluan staf. Peruntukan bagi bengkel dan latihan ditentukan berdasarkan permohonan melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), KWA, dan PERSAMA, dengan jumlah peruntukan sebanyak RM22,180 serta tambahan RM4,168 daripada TAF bagi melengkapi keperluan latihan dan kemahiran staf (**Bukti 4: K5 5.4.3.4**).

Hasil daripada maklum balas staf dan pelaksanaan sistem kerja yang lebih teratur, UCPH berjaya mewujudkan persekitaran kerja kondusif dan meningkatkan sumbangan staf dalam menjayakan pencapaian prestasi PI (PI128) dan (PI129), sekaligus mengekalkan prestasi cemerlang UCPH.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_S01_SB04_SC03_20251_8. BUKTI 1 K5 5.4.3.1.pdf](#)

3. [K0061_S01_SB04_SC03_20253_8. BUKTI 3 K5 5.4.3.3.pdf](#)
4. [K0061_S01_SB04_SC03_20254_8. BUKTI 4 K5 5.4.3.4.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pemantauan berterusan dan kajian semula menjadi amalan UCPH untuk membuat penambahbaikan. Penambahbaikan yang dibuat menghasilkan inovasi sebagai solusi kepada isu dan cabaran semasa. Pelbagai program berbentuk peningkatan kemahiran, pengetahuan dan perkongsian pengalaman telah disertai dan dianjurkan **di peringkat kebangsaan dan antarabangsa**. Program **Khidmat Sosial Universiti (USR)** dan **Pemindahan Ilmu (KTP)** yang melibatkan pensyarah iaitu **Dr. Lee Seng Hua** dan **Dr. Hamizah Mokhtar** telah berkongsi ilmu bersama pelajar di **Southwest Forestry University, Kunming, China**. (**Bukti 1: K5 5.5.1**)

Pencapaian utama di bawah **Objektif Strategik 2** iaitu **Lonjakan hasil penjanaaan sumber, produk dan Agro UCPH** adalah pembangunan laman web **e-Rental Bendahari UCPH** oleh staf JBend. Jumlah penjanaaan hasil mencecah **RM635,694.68** melalui sewaan ruang perniagaan manakala hasil sewaan peralatan dan kenderaan pula menyumbang sebanyak **RM9,480.90** (**Bukti 2: K5 5.5.2**).

Menerusi **Objektif Strategik 3** iaitu **Pengoptimuman sumber & Penjimatan kos**, UCPH turut melaksanakan beberapa projek penjimatan yang signifikan, antaranya;

1. Projek Tube Well (TW) dan Rainwater Harvesting (RH)

Projek ini dilaksanakan oleh pensyarah PKA dan BPF, inisiatif penting dalam usaha mencapai kelestarian sumber air serta mengurangkan pergantungan kepada bekalan air terawat, terutamanya semasa berlaku gangguan bekalan air, gabungan antara pengumpulan air hujan dari bumbung (rainwater harvesting) dan penggunaan sumber air bawah tanah dalam menyediakan bekalan air yang mampan dan berterusan. BPF memainkan peranan utama dalam memastikan TW dan RH dapat berfungsi dengan baik dan selamat digunakan. Bagi memastikan kualiti air TW dan RH sentiasa terjamin, pemantauan dan penilaian kualiti air dilaksanakan oleh pensyarah dan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kimia Pengurusan. Usaha kolaboratif ini membuktikan komitmen UCPH dalam menjamin keselamatan dan kebolegunaan sumber air bawah tanah secara berterusan, selaras dengan pendekatan pendidikan berasaskan amali dan penyelidikan. (**Bukti 3: K5 5.5.3**)

2. Projek Energy Management Analysis Reporting System (E-MARS)

Inisiatif yang dibangunkan dengan kerjasama syarikat **MyCES Sdn. Bhd.** E-MARS membolehkan penggunaan tenaga kampus dipantau dengan lebih berkesan. E-MARS dipantau secara real-time untuk mengenalpasti kawasan yang memerlukan penambahbaikan, seterusnya mengurangkan kos tenaga serta meningkatkan kecekapan operasi. Selain itu juga, hasil daripada semakan skop kontrak perkhidmatan dan penstrukturan skop kerja, UCPH berjaya menjimatkan kos penggunaan elektrik sebanyak **6.76 peratus (%)** daripada RM5,288,077.74 kepada RM4,930,341.96 (**Bukti 4: K5 5.5.4**).

3. Projek Elektronik Pra-Penilaian Kertas Soalan Peperiksaan (ePPKSP)

Inisiatif inovatif yang dibangunkan oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam (PPKA), UCPH. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan proses penyediaan dan penilaian kertas soalan peperiksaan secara elektronik, **digunapakai di seluruh kampus cawangan**. Sistem yang dibangunkan mampu membantu pensyarah dalam penyediaan kertas soalan peperiksaan yang melalui sistem elektronik yang efisien. Selain itu, proses vetting dipermudahkan, kos dan masa

Kesimpulannya, staf UCPH mampu menghasilkan inovasi yang memberi manfaat dan dibudayakan sehingga peringkat luar UCPH. Dengan terhasilnya inovasi ini, penajaan pendapatan ditingkatkan, sumber dioptimumkan dan kos operasi dapat dijimatkan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_S01_SB05_20251_9. BUKTI 1 K5 5.5.1.pdf](#)
2. [K0061_S01_SB05_20252_9. BUKTI 2 K5 5.5.2.pdf](#)
3. [K0061_S01_SB05_20253_9. BUKTI 3 K5 5.5.3.pdf](#)
4. [K0061_S01_SB05_20254_9. BUKTI 4 K5 5.5.4.pdf](#)
5. [K0061_S01_SB05_20255_9. BUKTI 5 K5 5.5.5.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam memastikan kelestarian pengurusan kewangan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang (UCPh) telah menjalankan operasi-operasi utama selaras dengan strategi **T.A.H.A.N** iaitu *Tadbir, Amanah, Hasil, Akauntabiliti* dan *Nilai Tambah*. Seajar dengan itu modul *Plan, Do, Check, Action* (PDCA) telah digunakan bagi memastikan setiap operasi yang dijalankan dapat memenuhi **empat (4) objektif startegik UCPh**;

- i. **Pemantapan Tadbir Urus Kewangan**; merancang dan mengurus kewangan serta mengagihkan sumber secara optimum.
- ii. **Lonjakan Hasil Penjanaaan**; meningkatkan keupayaan penjanaaan hasil secara berkesan.
- ii. **Pengoptimuman Sumber Dan Penjimatan Kos**; memaksimumkan penggunaan sumber dan mengurangkan perbelanjaan.
- iv. **Pencapaian Petunjuk Prestasi Luar Biasa**; menetapkan petunjuk prestasi (PI) dan mencapai sasaran yang ditetapkan.

Perancangan:

Bagi mengenal pasti keutamaan dan keadaan semasa, penilaian kekuatan, kelemahan, peluang, dan ancaman (SWOT) dijadikan asas, manakala Model Plan-Do-Check-Action (PDCA) digunakan sebagai landasan dalam proses pengurusan kewangan serta penentuan matlamat jangka pendek dan panjang. UCPh telah merancang kewangan melalui pengurusan dan pengagihan sumber secara optimum. Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) bersama Bengkel Perancangan Strategik bertujuan membincangkan hala tuju dan menyelaras strategi pembangunan UCPh serta memastikan petunjuk prestasi dapat dicapai secara berkesan.

Pelaksanaan:

Penggunaan serta peruntukan sumber kewangan dilaksanakan bagi memenuhi empat (4) objektif strategik yang telah ditetapkan. Inisiatif-inisiatif yang telah dirancang melibatkan semua staf yang disampaikan melalui sesi Town Hall, bengkel, mesyuarat, serta menyalurkan maklumat melalui semua platform komunikasi rasmi bagi memastikan ia dapat direalisasikan dengan efektif dan efisien. Pelaksanaan dilakukan melalui pengagihan peruntukan kepada Pusat Tanggungjawab (PTj). JBend berfungsi sebagai teras utama dalam mengurus operasi kewangan, sekali gus memastikan pengurusan kewangan diurus secara telus dan berkesan. Infrastruktur dan infostruktur juga dititikberatkan kerana menjadi asas utama dalam melancarkan operasi universiti, khususnya dalam menyokong pengajaran dan pembelajaran, kewangan, pentadbiran serta penyelidikan.

Pemantauan:

Pemantauan di UCPh berdasarkan objektif dan inisiatif strategik dalam bidang kewangan dijalankan secara sistematik bagi menjamin kelestarian pencapaian. Melalui mekanisme seperti Petunjuk Prestasi (PI), audit dalaman dan luaran, serta kaji selidik, dan maklumbalas e-Aduan, UCPh dapat memperkukuh keberkesanan pengurusan kewangan serta meningkatkan peluang penambahbaikan bagi operasi universiti berjalan dengan baik. UCPh mensasarkan pencapaian

nasii yang memenuhi atau melebihi sasaran yang ditetapkan. Pengaginan dan sumber kewangan dilaksanakan mengikut keperluan jabatan, penggunaan sumber digunakan lebih berkesan.

Tindakan Penambahbaikan

Tindakan penambahbaikan diambil bagi meningkatkan keberkesanan sistem. Ia merangkumi penyelarasan *Standard Operating Procedure* (SOP), penggunaan teknologi baharu, serta pengukuhan tadbir urus. UCPH telah berjaya melaksanakan pengurusan kewangan menggunakan sistem sedia ada ditambahbaik dengan inovasi pendigitalan membolehkan pemantauan kewangan dilakukan secara lebih tepat, cekap, dan telus. Penambahbaikan dalam perkhidmatan operasi sokongan infrastruktur dan infostruktur juga dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan serta kelancaran operasi universiti. Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) menggunakan sistem pemantauan cekap tenaga secara real-time, yang membolehkan penggunaan utiliti dapat dipantau untuk penjimatan, seterusnya membuat penambahbaikan dan inovasi.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik dalam bidang pengurusan kewangan dijalankan secara sistematik selaras dengan visi dan misi UCPH. Proses utama jabatan merangkumi perancangan kewangan, pelaksanaan belanjawan, pemantauan prestasi, dan penambahbaikan berterusan, dengan memfokuskan kepada empat (4) **Objektif Strategik**: pemantapan tadbir urus kewangan, lonjakan hasil penjana, pengoptimuman sumber & penjimatan kos, dan pencapaian KPI luar biasa. **Strategi T.A.H.A.N (Tadbir, Amanah, Hasil, Akauntabiliti, Nilai Tambah)** diterapkan untuk menyokong pencapaian objektif strategik UCPH. **(Bukti 1: K6 6.2.1)**

Bagi mengenal pasti keutamaan dan keadaan semasa, penilaian (SWOT) dijadikan asas, manakala Model PDCA digunakan sebagai landasan dalam proses pengurusan kewangan serta penentuan matlamat jangka pendek dan panjang **(Bukti 2: K6 6.2.2)**

Bagi pemantapan tadbir urus kewangan, UCPH telah merancang kewangan melalui pengurusan dan pengagihan sumber secara optimum. Pelaksanaan Mesyuarat JKEN dan Bengkel Perancangan Strategik bertujuan membincangkan hala tuju dan menyelaraskan strategi pembangunan UCPH serta memastikan PI dapat dicapai secara berkesan. Berpandukan Notis Rektor bilangan 1 Tahun 2024 berkaitan Garis Panduan Pengoptimuman Perbelanjaan dan Kecekapan Operasi UCPH. Perancangan ini turut melibatkan pengagihan sumber mengikut keutamaan projek, penetapan tanggungjawab setiap unit, dan penyediaan garis masa pelaksanaan bagi memastikan operasi jabatan dijalankan secara berstruktur dan cekap. **(Bukti 3: K6 6.2.3a)**

Dalam usaha memperkukuh tadbir urus, JBend telah membangunkan inovasi digital seperti **laman web e-Rental** untuk pengurusan sewaan ruang dan peralatan dan sistem **e-Daftar Lejer Tabung Amanah**, untuk merekod, menyimpan dan mengurus transaksi kewangan. Pelarasan tuntutan perjalanan turut diselaraskan, dengan hanya staf layak dibenarkan tuntutan pada kadar RM0.25/km, bagi memastikan kecekapan penggunaan dana. **(Bukti 3: K6 6.2.3b, 3c)**

UCPh juga telah memfokuskan kepada dua (2) PI utama, iaitu PI128 yang menekankan pengoptimuman sumber dalaman dan penjimatan perbelanjaan melalui pengurusan yang cekap, serta PI129 yang memberi tumpuan kepada pengurusan dana amanah secara strategik untuk pertumbuhan pulangan mampan, meningkatkan keupayaan kewangan universiti secara keseluruhan. UCPH boleh menyelaraskan perancangan, pelaksanaan, pemantauan, dan penambahbaikan operasi dengan lebih berkesan.

Dalam usaha pengoptimuman sumber dan penjimatan kos, UCPH melaksanakan penambahbaikan kecekapan tenaga secara menyeluruh untuk memastikan operasi universiti lebih lestari dan kos tenaga dapat dijimatkan. Langkah-langkah yang diambil merangkumi penggunaan teknologi terkini dan peralatan yang cekap tenaga, pengurusan penggunaan tenaga di bangunan dan fasiliti secara lebih sistematik. Pendekatan ini membolehkan tenaga digunakan secara optimum, mengurangkan pembaziran, dan menyokong kelestarian operasi universiti meningkatkan keberkesanan perkhidmatan harian atau produktiviti UCPH. **(Bukti 4: K6 6.2.4)**

Bagi memastikan setiap inisiatif berjalan sistematik dan mencapai sasaran, setiap P11j dikehendaki membentangkan laporan pencapaian suku tahunan kepada PSTU dan pengurusan kanan untuk pemantauan berterusan dan penambahbaikan berkesan. **(Bukti 5: K6 6.2.5)**

Operasi UCPH dapat dijalankan dengan cekap, berkesan, dan telus di samping dapat untuk menyokong pencapaian objektif strategik UCPH memastikan ketelusan, keberkesanan, dan berimpak tinggi.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_O01_OB02_20251_BUKTI 1 K6 6.2.1.pdf](#)
2. [K0061_O01_OB02_20252_BUKTI 2 K6 6.2.2.pdf](#)
3. [K0061_O01_OB02_20253_BUKTI 3 K6 6.2.3.pdf](#)
4. [K0061_O01_OB02_20254_BUKTI 4 K6 6.2.4.pdf](#)
5. [K0061_O01_OB02_20255_BUKTI 5 K6 6.2.5.pdf](#)
6. [K0061_O01_OB02_20251_BUKTI 1 K6 6.2.1.pdf](#)
7. [K0061_O01_OB02_20252_BUKTI 2 K6 6.2.2.pdf](#)
8. [K0061_O01_OB02_20253_BUKTI 3 K6 6.2.3.pdf](#)
9. [K0061_O01_OB02_20254_BUKTI 4 K6 6.2.4.pdf](#)
10. [K0061_O01_OB02_20255_BUKTI 5 K6 6.2.5.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Model PDCA menjadi pendekatan utama UCPH dalam mengurus operasi jabatan dan kewangan secara sistematik, bersepadu, dan berterusan. Ia memastikan setiap jabatan dapat menyumbang kepada keberkesanan pengurusan kewangan serta kelestarian operasi universiti. **(Bukti 1: K6 6.3.1).**

Plan (Perancangan)

Setiap proses utama dimulakan dengan perancangan yang rapi berasaskan analisis keperluan, sumber dan keutamaan organisasi. Dalam pengurusan kewangan, Perancangan yang dibuat merangkumi penyediaan bajet tahunan, penetapan sasaran hasil, kawalan kos dan pematuhan kepada garis panduan perbelanjaan, di samping perancangan jadual aktiviti, sumber manusia dan penggunaan fasiliti. Penekanan turut diberikan kepada strategi penjanaan pendapatan melalui penyewaan fasiliti, pengurusan hasil ladang, tanaman, penghasilan produk perikanan serta pelaksanaan inisiatif kecekapan tenaga. **(Bukti 2: K6 6.3.2).**

Do (Pelaksanaan)

Pelaksanaan pengoperasian UCPH dijalankan melalui pembahagian tugas yang jelas, meliputi aspek pengajaran dan pembelajaran (P&P), kewangan, pengurusan infrastruktur dan infostruktur, penyelidikan, khidmat masyarakat serta keselamatan. Operasi UCPH juga memerlukan sokongan teknikal seperti penyelenggaraan berkala, pembaikan peralatan yang rosak, serta penggunaan teknologi moden seperti automasi, sensor pintar, pemantauan berasaskan IoT, dan perisian pengurusan operasi terkini bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan operasi. Kesemua pelaksanaan ini menjurus kepada peningkatan penjanaan dan penjimatan kos. **(Bukti 3: K6 6.3.3).**

Check (Semakan dan Pemantauan)

Pemantauan dan penilaian PI dilakukan secara sukuan melalui pelaporan kewangan, audit dalaman, maklum balas pelanggan, dan penilaian penggunaan sumber. Pemantauan berkala termasuk **semakan bayaran kerja lebih masa (OT)** mencatat penjimatan RM609,090.28 pada 2024 berbanding tahun sebelumnya **(Bukti 4: K6 6.3.4a)**. Prestasi kewangan dipantau secara berterusan melalui laporan bulanan dan analisis keberkesanan inisiatif penjimatan kos.

Pengoperasian UCPH turut dipantau melalui laporan prestasi agro (tanaman dan ternakan), kualiti produk seperti produk berasaskan kayu, penggunaan tenaga, serta maklum balas pelanggan. Penyewaan ruang makmal, ruang niaga, dan bengkel dipantau melalui sistem e-Rental UCPH. Keseluruhan semakan ini membolehkan penambahbaikan berterusan, meningkatkan produktiviti, kualiti perkhidmatan, dan keberkesanan penggunaan sumber. **(Bukti 4: K6 6.3.4b)**

BPF sentiasa mengurus, menyelenggara dan menaik taraf infrastruktur dan infostruktur dengan memastikan persekitaran fizikal yang selamat, kondusif dan mesra pengguna. Pemantauan berkesan seperti pembaikan segera, penyelenggaraan berjadual, dan penggunaan peralatan cekap tenaga bagi menyokong kelancaran aktiviti akademik, pentadbiran dan program dengan berkesan.

Action (Tindakan Penambahbaikan)

Tindakan penambahbaikan diambil bagi meningkatkan keberkesanan sistem. Ia merangkumi penyelarasan SOP, penggunaan teknologi baharu, serta pengukuhan tadbir urus. Penambahbaikan dalam perkhidmatan operasi sokongan infrastruktur dan infostruktur juga dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan serta kelancaran operasi universiti.

BPF menggunakan sistem pemantauan cekap tenaga secara real-time, yang membolehkan penggunaan utiliti dapat dipantau untuk penjimatan, amalan penjimatan diperkukuh melalui kawalan optimum terhadap penggunaan lampu, penghawa dingin dan peralatan elektrik lain. Antara inovasi yang dihasilkan adalah **Projek Telaga Air Bawah Tanah (Tubewell)** menyediakan sumber alternatif air bersih sebagai inisiatif hijau untuk bekalan siraman landskap, sekali gus menyumbang kepada perbelanjaan berhemah. Penambahbaikan dan Inovasi **Rainwater Harvesting System** telah berjaya mempertingkatkan kecekapan pengumpulan dan kitar semula air hujan, sekali gus menyokong inisiatif kelestarian kampus. **(Bukti 5: K6 6.3.5)**

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_O01_OB03_20251_BUKTI 1 K6 6.3.1.pdf](#)
2. [K0061_O01_OB03_20252_BUKTI 2 K6 6.3.2.pdf](#)
3. [K0061_O01_OB03_20253_BUKTI 3 K6 6.3.3.pdf](#)
4. [K0061_O01_OB03_20254_BUKTI 4 K6 6.3.4.pdf](#)
5. [K0061_O01_OB03_20255_BUKTI 5 K6 6.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan di UCPH berdasarkan objektif dan inisiatif strategik dalam bidang kewangan dijalankan secara sistematik bagi menjamin kelestarian pencapaian. Melalui mekanisme seperti PI, audit dalaman dan luaran, serta kaji selidik, dan maklumbalas e-Aduan, UCPH dapat memperkukuh keberkesanan pengurusan kewangan serta meningkatkan peluang penambahbaikan bagi operasi universiti berjalan dengan baik. UCPH mensasarkan pencapaian hasil yang memenuhi atau melebihi sasaran yang ditetapkan. Pengagihan dan sumber kewangan dilaksanakan mengikut keperluan jabatan, penggunaan sumber digunakan lebih berkesan. Mekanisme pemantauan dan penambahbaikan operasi digunakan untuk memastikan operasi mengikut SOP, dengan memastikan operasi kewangan berjalan secara telus, mampan, dan berkesan. **(Bukti 1: K6 6.4.1.1)**

Dengan pendekatan **PDCA**, pemantauan dinilai dengan pencapaian semasa membuka peluang inovasi dibangunkan dalam pelaksanaan operasi. JBend telah membangunkan inovasi pendigitalan sistem e-Daftar Lejar Tabung Amanah dan e-Daftar Lejar Vot Pengurusan Aktiviti Pelajar yang membolehkan pemantauan kewangan dilakukan secara lebih tepat, cekap, dan telus sekaligus memudahkan penyediaan laporan kewangan. **(Bukti 2: K6 6.4.1.2a,2b,2c)**

Dalam usaha meningkatkan hasil penjanaan UCPH, penggunaan sumber dari Hutan Kem Sri Gading digunakan bagi penghasilan produk kayu, pengurusan sisa kayu untuk dioptimumkan bagi mengelakkan pembaziran dan memastikan kelestarian sumber. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) melantik staf akademik UCPH yang berpengetahuan sebagai ahli jawatankuasa untuk menilai pengendalian produk kayu dan memastikan ia dijalankan secara profesional, cekap, dan mengikut piawaian industri. **(Bukti 3: K6 6.4.1.3)**

UCPH mengutamakan penggunaan kepakaran dan kemudahan dalaman dalam penganjuran program dan aktiviti. Staf akademik yang berkemahiran khusus dijemput sebagai penceramah atau fasilitator, manakala kemudahan dalaman digunakan sepenuhnya untuk memantau keberkesanan program serta memastikan operasi dijalankan secara tersusun, cekap, dan mampan. Pendekatan ini meningkatkan keberkesanan program tanpa bergantung kepada pihak luar. Pada masa sama, UCPH menggalakkan pihak luar untuk menyewa kemudahan dan peralatan sebagai langkah penjanaan kewangan **(Bukti 4: K6 6.4.1.4)**

Bagi mencapai sasaran PI kewangan, setiap jabatan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan PI dan melaporkannya melalui e-Template, yang dipantau oleh Unit Perancangan Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU), serta membentangkan laporan PI secara sukuan. Mekanisme ini memastikan pemantauan dijalankan secara konsisten, mempertingkatkan keberkesanan pengurusan kewangan, dan mengekalkan tahap ketelusan serta kemampanan operasi. **(Bukti 5: K6 6.4.1.5)**

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_O01_OB04_OC01_20251_BUKTI 1 K6 6.4.1.1.pdf](#)
2. [K0061_O01_OB04_OC01_20252_BUKTI 2 K6 6.4.1.2.pdf](#)
3. [K0061_O01_OB04_OC01_20253_BUKTI 3 K6 6.4.1.3.pdf](#)

4. [K0061_O01_OB04_OC01_20254_BUKTI 4 K6 6.4.1.4.pdf](#)
5. [K0061_O01_OB04_OC01_20255_BUKTI 5 K6 6.4.1.5.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko kewangan merupakan elemen penting bagi memastikan operasi jabatan berjalan lancar dan sumber kewangan digunakan secara cekap, telus, dan berkesan. UCPH telah melaksanakan proses pengenalpastian, penilaian, dan mitigasi risiko secara sistematik bagi mengenal pasti potensi risiko yang boleh menjejaskan keberkesanan pengurusan kewangan. **Bukti 1: K6 6.4.2.1** menunjukkan secara terperinci pengurusan risiko UCPH dalam operasi pengurusan kewangan.

UCPh merekodkan beberapa risiko meliputi aspek pengurusan perolehan, kawalan bajet, pengurusan aset, dan pematuhan terhadap dasar serta peraturan kewangan yang ditetapkan. UCPH dapat mengambil langkah pencegahan yang bersesuaian, termasuk menetapkan kawalan dalaman, memantau transaksi kewangan melalui sistem digital, dan melaksanakan audit berkala. Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS) digunakan untuk mengurus risiko termasuk aspek kewangan, dan sistem konsolidasi akaun untuk penyediaan laporan kewangan serta pemantauan audit.

JBend melaksanakan pemantauan berkala terhadap perbelanjaan bagi mengenal pasti dan menilai risiko kewangan seperti ketidakpatuhan, pembaziran, serta ketirisan dana. Prosedur kewangan sentiasa dikemas kini bagi memastikan kawalan dalaman kekal relevan dan berkesan. Staf UCPH diberikan latihan pematuhan kewangan, penggunaan sistem digital antaranya ialah FINePortal, FINeProcurementPLUS, Portal Kewangan Pelajar. Langkah penambahbaikan juga dibangunkan seperti e-Daftar Lejer Tabung Amanah yang digunakan untuk pengurusan maklumat kewangan. Penggunaan sistem ini membantu mengurangkan risiko kesilapan manual, memastikan rekod kewangan lebih mudah dijejaki, serta memperkukuh kawalan dalaman dan ketelusan. Secara tidak langsung, ia juga menyokong pematuhan terhadap dasar kewangan universiti, meningkatkan kecekapan operasi jabatan, dan memperkukuh integriti pengurusan kewangan UiTM secara menyeluruh. **(Bukti 2: K6 6.4.2.2)**

Dalam menangani risiko banjir, perbincangan telah diadakan bersama Unit Pengurusan Ladang (UPL) bagi mengenal pasti langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah tersebut. Sebagai tindakan pencegahan, kerja-kerja pembersihan dan pendalaman sungai berhampiran ladang telah dilaksanakan. Usaha ini bukan sahaja berfungsi mengurangkan risiko banjir, malah turut memberi kesan positif secara tidak langsung dengan meningkatkan keberkesanan pengurusan ladang dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan hasil penjaan ladang. **(Bukti 3: K6 6.4.2.3)**

Keseluruhannya, pendekatan berstruktur dalam mengenal pasti, menilai dan mencegah risiko telah membantu UCPH mengekalkan kestabilan pengurusan kewangan, selaras dengan objektif strategik universiti ke arah tadbir urus yang cemerlang dan mampan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_O01_OB04_OC02_20251_BUKTI 1 K6 6.4.2.1.pdf](#)
2. [K0061_O01_OB04_OC02_20252_BUKTI 2 K6 6.4.2.2.pdf](#)
3. [K0061_O01_OB04_OC02_20253_BUKTI 3 K6 6.4.2.3.pdf](#)

6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dalam usaha memastikan sistem pengurusan kewangan di UCPH sentiasa relevan, cekap dan mematuhi piawaian, aktiviti **kaji semula** dan **tindakan penambahbaikan** telah dilaksanakan secara berterusan dan sistematik. Data dan maklumat yang berkaitan dikumpul melalui pelbagai kaedah seperti **audit dalaman, semakan laporan kewangan, analisis pematuan prosedur kewangan, serta maklum balas daripada staf dan pihak berkepentingan**. Kesemua data ini dianalisis bagi mengenal pasti jurang prestasi, kelemahan proses, dan peluang untuk penambahbaikan.

Beberapa tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan secara efisien dan efektif. Antaranya ialah **kawalan terhadap perbelanjaan berlebihan dalam penganjuran program. Tindakan penambahbaikan** yang diambil adalah memberi **tumpuan kepada penggunaan aplikasi pengurusan digital**. Di samping itu, langkah seperti **meningkatkan kompetensi staf** yang terlibat dalam pelaksanaan projek pembangunan di bawah inisiatif *Project Finance Initiative* (PFI) turut diberi keutamaan. **Bukti 1: K6 6.4.3.1** menerangkan secara terperinci tindakan penambahbaikan melalui hasil penganalisan bagi operasi pengurusan kewangan UCPH.

Penambahbaikan lain termasuk usaha **mengoptimalkan kemudahan sewa ruang dan perabot, pengurangan kos pembaikan fasiliti** melalui kaedah jimat tenaga, serta penjualan perabot hasil pengeluaran makmal perkayuan Pusat Pengajian Industri Perkayuan (PPIP). Selain itu, **proses kerja dalam penghasilan produk perladangan** seperti kelapa sawit, buah-buahan dan nenas turut **disemak dan ditambah baik** untuk **meningkatkan kecekapan operasi serta pulangan kewangan**. (**Bukti 2: K6 6.4.3.2**)

Semua penambahbaikan hasil tindakan kajian semula telah **dikongsi secara menyeluruh kepada warga jabatan** melalui saluran komunikasi rasmi seperti **email, taklimat dan laporan dalaman**. Pendekatan ini bukan sahaja memupuk kefahaman bersama, malah menggalakkan keterlibatan aktif staf dalam budaya penambahbaikan berterusan demi memastikan pengurusan kewangan UCPH kekal mampan, responsif dan berimpak tinggi. (**Bukti 3: K6 6.4.3.3**)

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_O01_OB04_OC03_20251_BUKTI 1 K6 6.4.3.1.pdf](#)
2. [K0061_O01_OB04_OC03_20252_BUKTI 2 K6 6.4.3.2.pdf](#)
3. [K0061_O01_OB04_OC03_20253_BUKTI 3 K6 6.4.3.3.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UCPh sentiasa komited dalam memantapkan budaya pengurusan kewangan yang cekap, telus dan berimpak. Keberkesanan tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan dalam bidang kewangan memberi impak yang jelas terhadap tahap pembudayaan organisasi. Usaha ini tidak hanya menekankan pencapaian sasaran jangka pendek, malah mengukuhkan nilai berterusan dalam kalangan warga. Penambahbaikan yang terhasil dijadikan budaya yang diamalkan dalam operasi pengurusan kewangan meliputi:

1) Penggunaan Teknologi, Digitalisasi dan Inovasi.

Penambahbaikan yang dijalankan budaya kerja berasaskan inovasi dan teknologi. Penggunaan sistem ini **diperluaskan** dan digunapakai di UCPh bagi meningkatkan kecekapan proses, selain menyemarakkan budaya penambahbaikan berterusan. JBend telah membangunkan beberapa inovasi seperti: **(Bukti 1: K6 6.5.1)**

- a) **Laman Web e-Rental** – platform digital untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan infostruktur untuk disewakan.
- b) **Sistem e-Daftar Lejar Latihan** - platform digital untuk merekod semua transaksi kewangan berkaitan latihan.
- c) **Sistem e-Daftar Lejar Tabung Amanah** - platform digital untuk merekod, menyimpan dan mengurus semua transaksi kewangan berkaitan tabung amanah.
- d) **Sistem e-Daftar Lejar Vot Aktiviti Pelajar** - platform digital untuk merekod semua transaksi kewangan yang berkaitan dengan aktiviti pelajar.

2) Pengoptimuman Sumber dan penjimatan kos serta penambahbaikan.

Kesedaran terhadap pengoptimuman sumber dan penjimatan kos telah menjadi budaya yang dipraktikkan secara konsisten. UCPh lebih peka dalam mengurus peruntukan, memaksimumkan kemudahan sedia ada, dan mengurangkan pembaziran. Hasilnya, pengurusan kewangan lebih mampan, disertai dengan pengagihan sumber yang lebih adil serta strategik. Sebagai contoh, penganjuran Minggu Destini Siswa (MDS) dilaksanakan secara hibrid dengan gabungan aktiviti bersemuka dan dalam talian, sekali gus mengurangkan kos tanpa menjejaskan keberkesanan program. Selain itu, Bengkel Penulisan Staf Akademik dijalankan di bilik latihan staf berbanding fasiliti luar, yang secara langsung menjimatkan kos sewaan dan meningkatkan keberkesanan penggunaan kemudahan dalaman. **(Bukti 2: K6 6.5.2)**

3) Kolaborasi dan Penajaan

UCPh secara aktif menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak seperti industri, agensi kerajaan, alumni, dan Non-Governmental Organization (NGO) bagi memperkukuh hubungan dua (2) hala serta memperluas jaringan strategik yang memberi manfaat bersama. memorandum persefahaman (MoU) antara UCPh dan MAXIS berjaya meningkatkan akses infrastruktur digital dan mengurangkan kos operasi. Inisiatif ini turut memperkukuh hubungan pelajar dan industri serta mencerminkan pengurusan kewangan berhemah tanpa menjejaskan kualiti pendidikan. **(Bukti 3: K6 6.5.3)**

4) Peningkatan Kemahiran Pengurusan Kewangan Staf.

Peningkatan kemahiran pengurusan kewangan memberi impak besar kepada kecekapan operasi UCPH. Melalui latihan berterusan, staf didedahkan dengan kaedah pengurusan kewangan yang lebih sistematik. Pembudayaan pemantauan berasaskan pencapaian petunjuk prestasi (PI) turut diperkukuh, di mana setiap jabatan lebih berdisiplin dalam melaporkan pencapaian, malah berjaya menetapkan indikator keberhasilan (KPI) yang jelas dan realistik. **(Bukti 4: K6 6.5.4)**

Tindakan susulan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat kerana keputusan dibuat berasaskan data yang tepat dan terkini. Budaya kerja ini memastikan pengurusan kewangan lebih telus, meningkatkan akauntabiliti, serta mengurangkan risiko ketirisan. Misi dan Visi UCPH dapat dicapai di samping mewujudkan staf yang lebih kompeten, berdaya saing, dan profesional dalam mengurus sumber kewangan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_O01_OB05_20251_BUKTI 1 K6 6.5.1.pdf](#)
2. [K0061_O01_OB05_20252_BUKTI 2 K6 6.5.2.pdf](#)
3. [K0061_O01_OB05_20253_BUKTI 3 K6 6.5.3.pdf](#)
4. [K0061_O01_OB05_20254_BUKTI 4 K6 6.5.4.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

TUMPUAN PELANGGAN

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelanggan merupakan elemen utama yang memacu pencapaian strategi kewangan UCPH. Keberkesanan perancangan strategik UCPH, khususnya dalam aspek pengurusan kewangan, banyak bergantung kepada peranan aktif dan sumbangan pelanggan utama seperti **pelanggan dalaman (pelajar) dan pelanggan luaran (alumni, industri, komuniti, agensi)**. Kedua-dua kumpulan ini bukan sahaja bertindak sebagai penerima manfaat, malah turut menjadi pemangkin kepada aktiviti penjanaan hasil yang mampan. Dengan penglibatan aktif pelanggan dalam pelbagai program dan perkhidmatan yang ditawarkan, UCPH dapat memanfaatkan potensi kewangan sedia ada secara optimum.

UCPH melaksanakan pendekatan kewangan yang sistematik bagi memperkukuh tadbir urus, meningkatkan kecekapan pengurusan, dan menambah hasil melalui strategi penjanaan berfokus. Penyelidikan berasaskan geran turut memperkasa budaya ilmu, inovasi dan penyelesaian berasaskan bukti. Tren pencapaian perolehan geran FRGS yang ketara dicatatkan pada tahun 2024 apabila jumlah perolehan melonjak **92.23%**. Melalui sokongan pelbagai sumber geran dalaman dan luaran, pensyarah digalakkan untuk menjalankan kajian yang berimpak tinggi serta relevan dengan keperluan komuniti, industri dan dasar negara. Kejayaan pelaksanaan strategi ini boleh dilihat menerusi peningkatan hasil kewangan tahunan UCPH yang telah melebihi sasaran ditetapkan.

Tren pencapaian perbelanjaan dan bilangan program pelajar yang berjaya dilaksanakan menunjukkan prestasi positif dimana perbelanjaan meningkat sehingga **RM 304 808.58 dengan 196 aktiviti pelajar (semua PI tercapai)** menggambarkan bahawa UCPH berada di landasan yang betul dalam aspek pengurusan pelanggan. Selain itu, penganjuran aktiviti berimpak seperti VI-BiiDE yang menunjukkan tren positif sehingga menjana **RM 20 300** pada 2024 berbanding 2022. Pencapaian ini juga sejajar dengan objektif kualiti UCPH yang menekankan aspek kecemerlangan perkhidmatan, keberkesanan operasi serta kepuasan pelanggan sebagai tunjang utama kejayaan institusi.

UCPH turut memfokuskan penjanaan hasil melalui sewaan tapak Pasar Isnin dan Rabu, yang meningkat positif antara 2022–2024 hingga mencecah **RM10,813.10** (Pasar Isnin) dan **RM48,427.40** (Pasar Rabu), sekali gus mengukuhkan kerjasama dengan komuniti peniaga luar. Sumbangan alumni juga mencatat lonjakan **177.38%** pada 2024 dengan tren positif berterusan, manakala pencapaian aktiviti USR dan KTP serta peningkatan penjanaan sumber luar sebanyak **147.92%** pada 2024 membuktikan kecekapan pengurusan UCPH. Lebih membanggakan, pencapaian kewangan UCPH bukan sahaja menepati sasaran dalaman, bahkan turut setanding dengan prestasi cawangan lain dan juga institusi pengajian tinggi tempatan. Pencapaian ini menegaskan keupayaan UCPH mengurus pelanggan secara strategik dan inovatif, sekali gus membuktikan kekuatan kewangan yang dimiliki. Ini menunjukkan kecemerlangan pengurusan, malah membuka laluan kepada penglibatan di peringkat antarabangsa dengan lebih meluas.

Impak kedudukan kewangan yang stabil, UCPH dapat **melaksanakan program-program**

peringkat global, menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak luar serta mempertingkatkan imej institusi di persada dunia. Keupayaan ini turut disokong oleh penambahbaikan berterusan terhadap perkhidmatan pelanggan, termasuk melalui peningkatan teknologi, kemudahan fizikal dan sistem penyampaian yang lebih cekap. Pelanggan mendapat manfaat secara langsung daripada kestabilan ini, sekali gus meningkatkan kepercayaan terhadap UCPh. Kepercayaan pelanggan yang tinggi memberi kesan jangka panjang terhadap reputasi dan kelestarian UCPh sebagai institusi yang diyakini, dipercayai serta dihormati.

Secara keseluruhannya, hasil tumpuan pelanggan telah memberi impak yang besar dalam memperkukuh pencapaian kewangan UCPh. Pengurusan pelanggan yang strategik, disokong oleh pendekatan kewangan yang efektif dan lestari, telah berjaya meletakkan UCPh di kedudukan yang cemerlang dalam sektor pendidikan tinggi negara, malah berpotensi terus berkembang di peringkat antarabangsa.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0061_HB02_20251_7.1.2 Tahap Ver2.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0061_HB03_20252_7.1.3 Tren Ver2.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0061_HB04_20253_7.1.4 Perbandingan Ver2.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0061_HB05_20254_7.1.5 Kepentingan Ver2.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

TUMPUAN SUMBER MANUSIA

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UCPh memberi keutamaan kepada pembangunan sumber manusia (**staf akademik dan bukan akademik**) sebagai teras strategi untuk mencapai kecemerlangan akademik, penyelidikan, dan jaringan profesional. Tenaga kerja yang berkualiti tinggi menjadi pemacu utama dalam memperkukuh daya saing institusi di peringkat nasional dan global. Justeru, pengurusan kewangan yang cekap dan berstrategi dilaksanakan bagi memastikan setiap pelaburan dalam pembangunan staf memberikan pulangan maksimum, sejajar dengan aspirasi UiTM untuk menjadi universiti unggul bertaraf global menjelang 2025.

Antara tahun 2022 hingga 2024, pelbagai inisiatif pembangunan dilaksanakan secara menyeluruh di semua fakulti dan pusat tanggungjawab (PTJ) dengan penyelarasan oleh Jabatan Bendahari UCPH. Inisiatif ini meliputi latihan profesional bersasar, peningkatan kualiti penyelidikan melalui insentif penerbitan, pembangunan keusahawanan, serta pemerksaan kepakaran industri. Agihan sumber kewangan yang optimum memastikan semua program ini dilaksanakan dengan keberkesanan tinggi, disokong oleh pemantauan prestasi secara sistematik.

Pendekatan yang digunakan berlandaskan perancangan bajet dalaman yang teliti, latihan mengikut keperluan kompetensi, pemantauan hasil berasaskan data, serta ganjaran melalui pengiktirafan dan insentif. Kejayaan terbukti apabila indikator utama seperti bilangan staf berkelayakan PhD (PI087), staf berkelayakan profesional (PI088), staf berpengalaman industri melebihi tiga tahun (PI085), dan bilangan penerbitan berimpak tinggi (PI051) adalah **mencapai** dan juga **melebihi sasaran**.

Hasil pengurusan kewangan yang mantap turut meningkatkan keterlihatan UCPH di peringkat antarabangsa. MoU/MoA baharu dengan universiti luar negara (PI081) bukan sahaja **melebihi sasaran** pada 2024, malah menunjukkan **peningkatan** berterusan sejak 2022. Antara pencapaian individu termasuk penyenaraian Dr. Lee Seng Hua sebagai **World Top 2% Scientist** oleh Stanford University. Sokongan kewangan juga membolehkan penganjuran **syarahan antarabangsa** di Tokyo University of Agriculture, Jepun oleh Dr. Roslina Abdul Aziz dan Dr. Nadhratunnaim Abas, serta penyertaan staf dalam Administrative Staff International Job Shadowing dan pembentangan di ALA Annual Conference, Amerika Syarikat.

Pengurusan kewangan berhemah turut menyokong kesejahteraan staf, terbukti melalui pencapaian Indeks Kegembiraan (PI096) **melebihi sasaran**. Inisiatif penjimatan kos operasi dilaksanakan melalui pengurangan elaun kerja lebih masa, yang menjana penjimatan sehingga RM609,090.28, hasil pengoptimuman tenaga kerja dan pemberian Cuti Rehat Gantian. Selain itu, program kitar semula (PI107), pengurangan penggunaan kertas dan plastik (PI108), dan projek keceriaan kampus (PI135) **mencapai sasaran**. Kecemerlangan sumber manusia ini turut menyumbang kepada peningkatan hasil seminar, hasil perundingan sehingga, serta pencapaian cemerlang kumpulan inovatif dan kreatif (KIK) di peringkat negeri.

Secara keseluruhannya, **strategi pengurusan kewangan** yang terancang dalam pembangunan sumber manusia telah menghasilkan **tenaga kerja berkemahiran tinggi, memperkukuh jaringan profesional, menjana pendapatan melalui penyelidikan dan kolaborasi**, serta **meningkatkan reputasi UCPH** sebagai institusi yang mampan, progresif, dan relevan di pentas global.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0061_HB02_20251_7.2.2 Tahap Ver2.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0061_HB03_20252_7.2.3 Tren Ver2.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0061_HB04_20253_7.2.4 Perbandingan Ver2.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0061_HB05_20254_7.2.5 Kepentingan Ver2.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

TUMPUAN OPERASI

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang (UCPh) telah melaksanakan **strategi kewangan** berkesan yang **berpaksikan lima prinsip** utama iaitu Tadbir, Amanah, Hasil, Akauntabiliti dan Nilai Tambah (**T.A.H.A.N.**). Strategi ini bertujuan memperkukuh kelestarian kewangan institusi serta memacu pembangunan mampan selaras dengan hala tuju universiti.

Dari segi Tadbir, UCPh mengamalkan pengurusan operasi yang cekap dan berstruktur. Inisiatif pengawalan kos telah berjaya **menurunkan** perbelanjaan operasi sebanyak 5.73% bagi tempoh 2023 hingga 2024. Tambahan pula, elaun lebih masa berjaya dikurangkan sebanyak 31.9%, manakala penggunaan tenaga pula menurun sebanyak 4.21%. Keberkesanan tadbir urus ini membuktikan komitmen universiti terhadap prinsip kecekapan dan keberdayaan kewangan jangka panjang.

Bagi aspek Amanah, UCPh memperkukuh budaya integriti melalui pengurusan dana luar secara telus. Hasil kolaborasi bersama industri telah membuahkan pendanaan geran penyelidikan sebanyak RM1.85 juta pada tahun 2024. Sementara itu, sumbangan pihak luar melalui program khidmat masyarakat (PI077) mencapai RM403,123.10, **melempi sasar**an sebanyak 230%. Pencapaian ini mencerminkan kepercayaan tinggi pihak berkepentingan terhadap keupayaan UCPh dalam mengurus dana secara amanah dan bertanggungjawab.

Dari perspektif Hasil, UCPh mempelbagaikan sumber pendapatan melalui tanaman, sewaan, seminar dan sumbangan. Pendapatan sewaan menunjukkan prestasi tertinggi, **meningkat** sebanyak 27.43% daripada RM1.57 juta (2022) kepada RM2.01 juta (2023). Program Educators Expert (PI024) pula telah melahirkan 107 tenaga pakar, **melempi sasar**an sebanyak 100.9%. Inisiatif penjanaan hasil lain seperti PI128 dan PI129 juga menunjukkan keberkesanan menerusi program kitar semula dan penjimatan yang **melempi sasar**an.

Dalam aspek Akauntabiliti, UCPh mengutamakan pelaporan yang telus dan berimpak. Kampus ini mencatatkan **hasil tertinggi** dalam bidang agro dengan jumlah RM432,516.90, dan pendapatan sewaan berjumlah RM1.96 juta yang mengatasi pencapaian beberapa kampus lain. Dari segi mobiliti pelajar, UCPh mencatatkan penyertaan **outbound tertinggi** seramai 64 pelajar, selain merekodkan **bilangan tertinggi** program USR dan KTP. Pencapaian ini mencerminkan keupayaan UCPh melaksanakan program secara cekap, terarah dan boleh diukur.

Akhir sekali, dalam konteks Nilai Tambah, UCPh berjaya memanfaatkan hasil pendapatan untuk pembangunan staf, termasuk peruntukan sebanyak RM 494,777.33 bagi latihan, seminar dan program antarabangsa. **Inisiatif** seperti projek solar, sistem eMesyuarat, e-Rental, telaga tiub dan tadahan air hujan pula **menyumbang kepada pengurangan kos operasi** serta pemeliharaan sumber alam sekitar. Jualan hasil tanaman dan penganjuran seminar turut menunjukkan peningkatan ketara, sekaligus memaksimumkan nilai aset universiti.

Secara keseluruhan, pelaksanaan strategi kewangan berdasarkan **prinsip T.A.H.A.N.** telah berjaya **memperkukuhkan keupayaan kewangan UCPH, meningkatkan kecekapan operasi, memperluas jaringan kerjasama strategik** serta **memperkasa nilai tambah terhadap pembangunan institusi**. Pendekatan ini bukan sahaja mencerminkan pengurusan kewangan yang berintegriti dan telus, malah menjadi model tadbir urus yang sistematik dan efisien. Sumber kewangan UCPH boleh didapati daripada hasil operasi seperti yuran pengajian dan geran penyelidikan.

Kejayaan UCPH dalam penjanaaan hasil **mengurangkan kebergantungan** kepada dana pusat, membolehkan universiti membiayai program, pengurusan kemudahan, dan penyelenggaraan aset secara konsisten. Peningkatan hasil juga menyokong penganjuran aktiviti pelajar dan staf tanpa tekanan kewangan, mengekalkan keseimbangan antara pembangunan akademik dan kelangsungan operasi. Kecemerlangan ini meningkatkan imej UCPH sebagai universiti yang cekap, berdikari dan inovatif, mencerminkan profesionalisme serta memperkukuh kepercayaan pihak berkepentingan terhadap tadbir urus kewangan.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0061_HB02_20251_7.3.2 Tahap Ver2.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0061_HB03_20252_7.3.3 Tren Ver2.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0061_HB04_20253_7.3.4 Perbandingan Ver2.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0061_HB05_20254_7.3.5 Kepentingan Ver2.pdf](#)